



JUZU' KE-23

**SURAH  
SAAFFAAT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah  
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 68)

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ۝۱ فَالزَّجْرَاتِ زَجْرًا ۝۲  
فالتَّلِيَّتِ ذِكْرًا ۝۳ إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ۝۴  
رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا رَبُّ  
المَشْرِقِ ۝۵

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir (3). Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari." (5)

إِنَّا زِينَا السَّمَاءِ الدُّنْيَا بَزِينَةِ الْكَوَاكِبِ ۝۶  
وَحِفْظًا مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَارِدٍ ۝۷  
لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى وَيُقَذِفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ۝۸  
دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ۝۹  
إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَاقِبٌ ۝۱۰

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)." (10)

فَأَسْتَفْتِيهِمْ أَهْمُ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ  
مِنْ طِينٍ لَازِبٍ ۝۱۱  
بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ۝۱۲  
وَإِذَا ذُكِرُوا لَا يَذْكُرُونَ ۝۱۳

وَإِذَا رَأَوْا آيَةً يَسْتَسْخِرُونَ ۝۱۴

وَقَالُوا إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ۝۱۵

Oleh itu tanyakanlah mereka apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakan? Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut (11). Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkaran mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sendakannya (14). Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang. (15)

لَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا أَعْنَا الْمَبْعُوثُونَ ۝۱۶

أَوَّءَ آبَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ۝۱۷

قُلْ نَعَمْ وَأَنْتُمْ دَاخِرُونَ ۝۱۸

فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ فَإِذَا هُمْ يَنْظُرُونَ ۝۱۹

وَقَالُوا أَيَوَيَّلْنَا هَذَا يَوْمَ الدِّينِ ۝۲۰

Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tukmg (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali? (16). Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali? (17) Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina (18). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain) (19). Dan mereka berkata: Alangkah celakanya kami! Inilah hari balasan (20).

هَذَا يَوْمُ الْقَصْلِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكذَّبُونَ ۝۲۱

أَحْسَرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجُهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ ۝۲۲

مِنْ دُونِ اللَّهِ فَأَهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيمِ ۝۲۳

وَقِفُوهُمْ إِنَّهُمْ مَسْئُولُونَ ۝۲۴ مَا لَكُمْ لَا تَنَاصَرُونَ ۝۲۵

Inilah hari keputusan pengadilan yang telah didustakan kamu (21). (Kemudian diperintahkan kepada malaikat-malaikat) kumpulkan orang-orang yang zalim (kafir) itu dan orang-orang yang seperti mereka serta segala sembahhan yang disembahkan mereka (22). Selain Allah dan tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim (23). Dan tahankan

mereka (di Sirat), kerana mereka akan disoal (24). Mengapa (sekarang) kamu tidak saling bantu membantu (seperti di dunia)? (25)

بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسَامُونَ ﴿٢٦﴾  
وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٢٧﴾  
قَالُوا إِنَّكُمْ كُنْتُمْ تَأْتُونَنَا عَنِ الْيَمِينِ ﴿٢٨﴾  
قَالُوا بَلْ لَمْ تَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٢٩﴾  
وَمَا كَانَ لَنَا عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ بَلْ كُنْتُمْ قَوْمًا طَٰغِينَ ﴿٣٠﴾

Bahkan mereka pada hari ini menyerah diri belaka (26). Dan mereka menemui satu sama lain bersoal jawab (menyalahkan satu sama lain) (27). Kata (para pengikut kepada para pemimpin): Kamulah yang datang membisik-bisikkan di sebelah kanan Kami (untuk menyesatkan Kami) (28). Jawab (para pemimpin): Sebenarnya kamu memang tidak pernah beriman (29). Dan Kami sekali-kali tidak mempunyai kuasa di atas kamu, malah kamu sebenarnya satu kaum yang pelampau. (30)

فَحَقَّ عَلَيْنَا قَوْلُ رَبِّنَا إِنَّا لَذَٰئِقُونَ ﴿٣١﴾  
فَأَغْوَيْنَاكُمْ إِنَّا كُنَّا غَاوِينَ ﴿٣٢﴾  
فَإِنَّهُمْ يَوْمَ مِذْيَةِ الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٣﴾  
إِنَّا كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿٣٤﴾  
إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾  
Memang telah ditetapkan di atas kita sekalian keputusan 'azab dari Tuhan kita dan kita sekalian akan merasainya (31). Lalu kami sesatkan kamu kerana sesungguhnya kami adalah para penyesat (32). Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong. (35)

وَيَقُولُونَ إِنَّا لَتَأْرِكُوَآءَ الْهِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾  
بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَّقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾  
إِنَّكُمْ لَذَٰئِقُوا الْعَذَابِ الْأَلِيمِ ﴿٣٨﴾  
وَمَا تَجْرُونَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾  
إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila? (36) (Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang

dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu (39). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih. (40)

أُولَٰئِكَ لَهُمْ رِزْقٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤١﴾ فَوَكَّهُ وَهُمْ مُكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾  
فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٤٣﴾ عَلَى سُرُرٍ مُتَقَابِلِينَ ﴿٤٤﴾  
يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكَأْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾

Untuk mereka disediakan rezeki (istimewa) yang tertentu (41). Iaitu buah-buahan dan mereka sekalian adalah orang-orang yang dimuliakan (42). Di dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat (43). (Bersenang-senang) di atas takhta-takhta dengan berhadap-hadapan (satu sama lain) (44). Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir. (45)

بَيَّضَاءَ لَذَّةٍ لِلشَّرِبِينَ ﴿٤٦﴾  
لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴿٤٧﴾  
وَعِنْدَهُمْ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾  
كَأَنَّهُنَّ بَيَّضٌ مَّكُونٌ ﴿٤٩﴾  
فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٥٠﴾  
Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan tidak pula mereka mabuk kerananya (47). Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya (48). Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik (49). Mereka bertemu satu sama lain tanya menanya. (50)

قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ إِنِّي كَانَ لِي قَرِينٌ ﴿٥١﴾  
يَقُولُ أَءِ تَكَلَّمِنَ الْمُصَدِّقِينَ ﴿٥٢﴾  
أءِ ذَا مِثْنَا وَكُنَّا تَرَايَا وَعِظَمَاءُ نَا لَمَدِينُونَ ﴿٥٣﴾  
قَالَ هَلْ أَنْتُمْ مُطَّلِعُونَ ﴿٥٤﴾  
فَاطَّلَعَ فَرَأَاهُ فِي سَوَاءِ الْجَحِيمِ ﴿٥٥﴾

Berkatalah salah seorang dari mereka: Sesungguhnya aku dahulu (di dunia) mempunyai seorang teman (51). Dia berkata (kepadaku): Adakah engkau dari golongan orang-orang yang percaya kepada (kebangkitan dan balasan)? (52) Apakah apabila kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan (dibangkit) menerima balasan? (53) Lalu dia berkata (kepada saudara-saudaranya dalam Syurga): Apakah kamu ingin meninjau (bagaimana temanku itu di Neraka sekarang)? (54) Lalu dia pun meninjau (di dalam Neraka dan di sana) dia nampak temannya berada di tengah-tengah Neraka Jahim. (55)

قَالَ تَأَلَّوْا إِلَّاهُ كَدَّتْ لَٰرُ دِينَ ﴿٥٦﴾

وَلَوْلَا نِعْمَةُ رَبِّي لَكُنْتُ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ﴿٥٧﴾  
 أَفَمَا نَحْنُ بِمَمِيَّاتٍ ﴿٥٨﴾  
 إِلَّا مَوْتَتَنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿٥٩﴾  
 إِنَّ هَذَا هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٠﴾

Dia berkata (kepada bekas temannya): Demi Allah engkau nyaris-nyaris menjerumuskanku di dalam kebinasaan (56). Jika tidak kerana ni'mat Tuhanku, sudah tentu aku termasuk di dalam golongan orang yang dibawa (ke dalam Neraka bersama engkau) (57). Bukankah kita tidak akan mati lagi (selepas ini)? (58) Kecuali hanya mati kali yang pertama sahaja dan kita juga tidak akan di'azabkan (59). Sesungguhnya inilah keberuntungan yang amat besar. (60)

لِمِثْلِ هَذَا فَلْيَعْمَلِ الْعَامِلُونَ ﴿٦١﴾  
 أَذَلِكَ خَيْرٌ نُزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقْقُمِ ﴿٦٢﴾  
 إِنَّا جَعَلْنَاهَا فِتْنَةً لِلظَّالِمِينَ ﴿٦٣﴾  
 إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ ﴿٦٤﴾  
 طَلْعَهَا كَأَنَّه رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ ﴿٦٥﴾

Untuk keberuntungan seperti inilah hendaknya orang-orang berusaha itu bekerja (dengan bersungguh-sungguh) (61). Apakah keraian yang sedemikian itu lebih baik atau pokok zaqqum (itu lebih baik?) (62) Sesungguhnya Kami jadikannya (pokok zaqqum) itu keseksaan kepada orang-orang yang zalim (63). Sesungguhnya zaqqum itu satu pokok yang tumbuh dari dasar Neraka (64). Buahnya laksana kepala-kepala syaitan. (65)

فَإِنَّهُمْ لَا كُفُونَ مِنْهَا فَمَا كُفُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ﴿٦٦﴾  
 ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا لَشَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٦٧﴾  
 ثُمَّ إِنَّ مَرَجِعَهُمْ لِآلِ الْجَحِيمِ ﴿٦٨﴾

Sesungguhnya mereka akan memakannya dan memenuhi perut mereka dengannya (66). Kemudian mereka akan dihidangkan pula selepas memakan zaqqum itu minuman dari campuran air yang amat panas (67). Kemudian (selepas minum) tempat kembali mereka ialah ke Neraka Jahim pula. (68)

\*\*\*\*\*

#### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini sama dengan Surah-surah Makkiyah yang telah lepas, iaitu ayat-ayatnya pendek, nada-nadanya cepat. Ia menayangkan berbagai-bagai pemandangan dan keadaan, berbagai-bagai gambaran bayangan dan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan-kesan yang mendalam dan kuat.

Tujuan surah ini sama seperti surah-surah Makkiyah yang lain, iaitu ia bertujuan membina 'aqidah di dalam jiwa manusia dan membersihkannya dari segala rupa bentuk kepercayaan syirik. Tetapi surah ini membicarakan secara khusus satu bentuk kepercayaan syirik yang tertentu yang lumrah di dalam masyarakat Arab yang pertama, iaitu kepercayaan adanya hubungan kerabat di antara Allah S.W.T. dengan jin. Dongeng itu mendakwa bahawa hasil dari perkahwinan di antara Allah Ta'ala dan jin perempuan itu lahirlah malaikat-malaikat. Kemudian dongeng itu mendakwa lagi bahawa malaikat-malaikat itu semuanya perempuan dan mereka adalah puteri-puteri Allah.

Dongeng itu menjadi sasaran kecaman yang kuat di dalam surah ini. Ia mendedahkan kegoyahan dan kekarutannya. Oleh sebab dongeng ini merupakan maudhu' yang penting yang dibicarakan oleh surah ini, maka ia mulakan dengan menyebut kumpulan-kumpulan malaikat:

وَالصَّفَّاتِ صَفًّا ﴿١﴾ فَالزَّجْرَاتِ زَجْرًا ﴿٢﴾  
 فَالتَّلِيَّتِ ذِكْرًا ﴿٣﴾

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir." (3)

Kemudian diiringi pula dengan pembicaraan mengenai syaitan-syaitan penderhaka dan bagaimana mereka terdedah kepada tembak-tembakan panah api yang membinasakan mereka supaya mereka tidak dapat menghampiri alam al-Mala'ul-A'la dan tidak dapat mendengar sesuatu yang berlaku di sana. Andainya kejadian syaitan-syaitan itu seperti yang didakwakan oleh dongeng-dongeng jahiliyah tentulah mereka tidak akan diusir dan diburu seperti itu. Begitu juga surah ini menyamakan buah-buah pokok zaqqum yang digunakan untuk menyeksakan orang-orang kafir di dalam Neraka itu dengan kepala-kepala syaitan untuk memberi gambaran yang buruk dan menakutkan. Pada akhir surah ini, serangan secara langsung dilancarkan ke atas dongeng yang karut dan tidak berasas:

فَأَسْتَفْتِيَهُمُ الرِّبِّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبُنُونَ ﴿١٤٩﴾  
 أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾  
 أَلَا إِنَّهُمْ مِّنْ أَفْكِهَمَ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾  
 وَلَدَ اللَّهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٥٢﴾  
 أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾  
 مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾ أَمْ لَكُمْ سُلْطٰنٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾

فَأَتُوا بِكِتٰبِكُمْ إِن كُنْتُمْ صٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾

وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَنَّةِ نَسْبًا وَلَقَدْ عَلِمْتِ الْجِنَّةُ

إِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾

سُبْحٰنَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

"Dan tanyalah mereka apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka?(149). Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksikannya? (150) Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata (151). Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?(153). Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(154). Apakah tidak kamu berfikir?(155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar (157). Dan mereka telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin itu, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan pada hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah) (158). Maha Suci Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka."(159)

Di samping membicarakan bentuk kepercayaan syirik jahiliyah yang khusus ini, surah ini menyentuh juga sudut-sudut 'aqidah yang lain yang biasa dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah, iaitu ia mengukuhkan kepercayaan tauhid dengan berdalilkan alam buana yang nyata:

إِنَّ إِلٰهَكُمْ لَوٰحِدٌ ﴿٤﴾

رَبُّ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ

الْمَشْرِقِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Ia menegaskan bahawa kepercayaan syirik itulah yang menjadi sebab mereka mendapat 'azab. Ini ditegaskan dicelah-celah satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat.

فَإِنَّهُمْ يَوْمَئِذٍ فِي الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٢٢﴾

إِنَّا كَذٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿٢٤﴾

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٢٥﴾

وَيَقُولُونَ أَيَّبٰل تَارِكُوٓا إِلٰهِنَا لَشَاعِرٍ مُّخْتَلِنٌ ﴿٣٦﴾

بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

إِنَّكُمْ لَذٰلِقُوٓا الْعَذَابِ الْاَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَمَا تُحْزِنُونَ اِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong (35). Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?(36). (Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu.(39)

Begitu juga surah ini menyentuh persoalan-persoalan kebangkitan selepas mati, Hisab dan balasan.

وَقَالُوا إِن هٰذَا اِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

لَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا اءَآءَآ نَأْمَبَعُوثُونَ ﴿١٦﴾

اَوَءَاۤءَاۤءُنَا الْاَوَّلُونَ ﴿١٧﴾ قُلْ نَعَمْ وَاَنْتُمْ دٰخِرُونَ ﴿١٨﴾

"Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali?(16). Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?(17). Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina."(18)

Kemudian sesuai dengan pembicaraan ini ia menayangkan satu pemandangan Qiamat yang panjang dan unik, iaitu pemandangan yang penuh dengan berbagai-bagai babak pergerakan dan senario yang mengharukan perasaan dan memeranjatkan hati.

Surah ini juga menyentuh persoalan wahyu dan kerasulan yang disebut dalam perkataan kaum Musyrikin:

وَيَقُولُونَ أَيَّبٰل تَارِكُوٓا إِلٰهِنَا لَشَاعِرٍ مُّخْتَلِنٌ ﴿٣٦﴾

"Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?"(36)

Kemudian dijawab:

بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

"(Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu)."(37)

Sesuai dengan kesesatan dan pendustaan mereka, surah ini menayangkan satu siri dari kisah-kisah para rasul yang lalu, iaitu Nuh, Ibrahim dan anak-anaknya, Musa, Harun, Ilias, Lut dan Yunus. Dalam kisah-kisah itu ternyata Allah sentiasa memberi rahmat dan pertolongan kepada rasul-rasul-Nya dan menyoal para pendusta yang menentang mereka:

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾  
 وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنْذِرِينَ ﴿٧٢﴾  
 فَأَنْظُرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنْذِرِينَ ﴿٧٣﴾  
 إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿٧٤﴾

"Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang terdahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih." (74)

Di dalam kisah-kisah itu ditonjolkan khusus kisah Ibrahim dengan anaknya Ismail, iaitu kisah pengorbanan dan tebusan, juga ditonjolkan sifat kepatuhan, keta'atan dan penyerahan diri kepada Allah dalam bentuk gambaran yang paling indah, paling mendalam dan paling tinggi, iaitu puncak kepatuhan yang tidak dapat dicapai melainkan dengan keimanan yang tulen. Hanya keimanan inilah yang dapat mengangkat manusia ke puncak yang amat tinggi, luhur dan cemerlang itu.

\* \* \* \* \*

Pernyataan-pernyataan yang berkesan dan memberi ilham yang dibentangkan ketika membicarakan maudhu'-maudhu' dan persoalan-persoalan surah itu telah dikemukakan dalam bentuk yang jelas di dalam pemandangan langit dengan segala bintang-bintangnya, panah api dengan tembakan-tembakannya:

إِنَّا زَيْنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِرِيْنَةِ الْكَوَاكِبِ ﴿٦﴾  
 وَحِفْظًا مِّنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ ﴿٧﴾  
 لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَىٰ وَيُقَذَّفُونَ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ ﴿٨﴾  
 دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ﴿٩﴾  
 إِلَّا مَن خِطَفَ الْخِطْفَةَ فَاتَّبَعَهُ وَشَهِابٌ ثَاقِبٌ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka

yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Kami akan sentuhkan pemandangan-pemandangan Qiamat yang menarik dan pemandangan-pemandangan yang lain yang ditayangkan oleh surah ini ketika Kami membicarakannya dengan terperinci di tempat masing-masing di dalam surah ini.

Di dalam kisah-kisah para rasul terutama kisah Ibrahim dan anak-anaknya Ismail a.s., kisah-kisah yang berkesan dan memberi ilham itu sampai ke puncak yang mengocakkan hati manusia dengan cara yang begitu mendalam dan kuat.

Di samping itu dalam surah ini juga terdapat irama-irama yang sesuai dengan gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan surah, sesuai dengan pemandangan-pemandangan dan keadaan-keadaannya, juga sesuai dengan saranan-saranannya yang mendalam dan bertubi-tubi itu.

\* \* \* \* \*

Surah ini mengulaskan maudhu'-maudhu'nya dalam tiga pusingan yang pokok:

Pusingan pertama mengandungi pembukaan surah dengan bersumpah dengan kumpulan-kumpulan malaikat yang berbaris, kumpulan malaikat yang mengecam dan kumpulan malaikat yang membaca zikir untuk menegakkan Wahdaniyah Allah, iaitu Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari dan menghiaskan langit dengan perhiasan bintang-bintang. Kemudian ia memperkatakan masalah syaitan-syaitan dan bagaimana mereka cuba mencuri dengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan bagaimana mereka ditembak dengan panah api, yang menembuskan mereka. Kemudian diiringi dengan satu pertanyaan yang dihadapkan kepada manusia: Apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk, malaikat, langit, bintang-bintang, syaitan-syaitan dan panah api? Tujuan pertanyaan ini ialah untuk membodohkan pandangan mereka terhadap persoalan kebangkitan selepas mati dan menegakkan hakikat kebangkitan yang dianggap mustahil dan dipersenda-sendakan mereka. Oleh sebab itu ia menayangkan pemandangan kebangkitan selepas mati, pemandangan Hisab, balasan, ni'mat dan 'azab itu dengan panjang lebar. Ia merupakan satu pemandangan yang unik.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan penjelasan bahawa kaum Musyrikin yang sesat itu adalah sama dengan umat-umat yang sesat di zaman dahulu yang telah didatangi para rasul. Kebanyakan mereka telah memilih jalan yang sesat. Di antara kisah kaum-kaum yang diberi peringatan oleh para rasul itu ialah kaum-kaum Nuh, Ibrahim, Musa, Harun, Ilias, Lut dan Yunus, kemudian ia menerangkan bagaimana akibat yang menimpa kaum yang diberi peringatan itu dan bagaimana kesudahan yang diterima oleh golongan orang-orang yang beriman dari mereka.

Pusingan yang ketiga memperkatakan tentang dongeng-dongeng jahiliyah yang telah diterangkan sebelum ini, iaitu dongeng jin dan malaikat, juga memperkatakan tentang janji Allah yang akan memberi kemenangan kepada para rasul-Nya:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَمَتْنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾  
 إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾  
 وَإِنَّ جُنَدَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan." (173)

Pusingan ini ditamatkan dengan kata pengakhir surah yang mentanzihkan Allah S.W.T. dan memberi do'a selamat sejahtera kepada para rasul dan seterusnya mengakui Rububiyah-Nya:

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾  
 وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾  
 وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpujang kepada Allah yang memelihara semesta alam." (182)

Dan semuanya itu merupakan persoalan-persoalan yang dikupaskan oleh surah ini. Sekarang marilah kita ulaskan surah ini dengan terperinci.

#### (Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

##### Kumpulan-kumpulan Malaikat Dan Fungsi-fungsinya

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ﴿١﴾ فَالزَّجْرَاتِ زَجْرًا ﴿٢﴾  
 فَالتَّلِيَّتِ ذِكْرًا ﴿٣﴾ إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ﴿٤﴾  
 رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ  
 الْمَشْرِقِ ﴿٥﴾

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir (3). Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan Yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari." (5)

Malaikat-malaikat yang berbaris, malaikat-malaikat yang mengecam dan malaikat-malaikat yang membaca zikir adalah kumpulan-kumpulan malaikat

yang disebut di sini dengan kerja-kerja yang dilakukan mereka. Mungkin yang berbaris di sini ialah tubuh-tubuh mereka untuk mendirikan solat atau mungkin pula ialah sayap-sayap mereka menunggu perintah Allah. Malaikat-malaikat yang mengecam ialah malaikat-malaikat yang mengecam orang-orang yang melakukan maksiat ketika mencabut nyawa mereka atau ketika mengumpulkan mereka di padang Mahsyar atau ketika menyeret mereka ke dalam Neraka atau di dalam mana-mana keadaan atau tempat. Malaikat-malaikat yang membaca zikir ialah malaikat-malaikat yang membaca Al-Qur'an atau kitab-kitab suci yang lain atau maksudnya ialah malaikat-malaikat yang bertasbih dengan Zikrullah.

Allah S.W.T. bersumpah dengan kumpulan-kumpulan malaikat ini untuk menegakkan konsep Wahdaniyah-Nya:

إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu." (4)

Hubungan atau pertalian sumpah ini ialah wujudnya dongeng yang terkenal di zaman jahiliyah orang-orang Arab yang menghubungkan malaikat dengan Allah dan menyembah mereka sebagai tuhan-tuhan dengan anggapan mereka sebagai puteri-puteri Allah.

Kemudian Allah memperkenalkan diri-Nya kepada manusia iaitu mengenai sifat-Nya yang sesuai dengan konsep Wahdaniyah:

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ  
 الْمَشْرِقِ ﴿٥﴾

"Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari." (5)

Langit dan bumi ini tersergam di hadapan manusia. Ia menceritakan kepada mereka tentang Allah yang mencipta dan mentadbirkan kerajaan langit dan bumi yang amat luas ini. Tiada siapa pun yang berani mendakwa bahawa dialah yang memiliki, menguasai dan mentadbirkan kerajaan alam buana ini. Tiada seorang pun yang mampu mengelakkan dirinya dari mengakui Allah sebagai Tuhan yang memiliki qudrat yang mutlak dan Rububiyah yang sebenar.

وَمَا بَيْنَهُمَا

"Dan segala kejadian yang ada di antara keduanya" (5)

dari angin, awan, cahaya dan makhluk-makhluk seni yang diketahui manusia dari satu masa ke satu masa, tetapi jumlah makhluk seni yang tidak diketahui manusia lebih banyak dari yang telah diketahui mereka..

Kejadian langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya adalah amat besar dan agung, amat halus dan beraneka ragam, amat indah dan seimbang. Apabila manusia yang hidup hati nuraninya



berdiri di hadapan kejadian-kejadian itu dia tidak dapat menahankan dirinya dari menerima kesan yang mendalam dan dari terpengaruh kepada keindahannya dan dari berfikir panjang. Manusia tidak mungkin melalui kejadian-kejadian yang amat besar tanpa mendapat kesan dan tanpa berfikir melainkan apabila hatinya mati. Ketika itu ia tidak dapat lagi menerima kesan-kesan itu dan tidak dapat menyambut nada-nada alam buana yang penuh dengan keajaiban-keajaiban itu.

### رَبُّ الْمَشْرِقِ

"Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Setiap bintang dan planet itu ada tempat terbitnya masing-masing. Di sana ada berbagai-bagai tempat terbit di dalam setiap sudut langit yang luas saujana ini. Ungkapan ini mempunyai satu lagi pengertian yang lebih halus yang menggambarkan apa yang sebenar berlaku di bumi tempat kita hidup ini. Bumi di dalam peredaran di hadapannya matahari berturut-turut melahirkan tempat-tempat terbit matahari dan tempat-tempat terbenamnya di atas berbagai-bagai kawasan bumi. Mana-mana bahagian bumi yang berhadapan dengan matahari merupakan tempat terbit matahari yang menyuluh bahagian itu, sedangkan bahagian bumi yang bertentangan dengan bahagian matahari terbit itu merupakan tempat matahari terbenam. Pendeknya apabila bumi berpusing di sana terdapat tempat matahari terbit di satu bahagian dan pada bahagian bumi yang sebelah lagi terdapat pula tempat matahari terbenam, demikianlah seterusnya. Hakikat ini memang telah diketahui manusia pada masa turunnya Al-Qur'anul-Karim, tetapi Allah menceritakan hakikat ini juga kepada mereka di zaman yang lama itu.

Peraturan yang rapi ini, di mana bersilih ganti munculnya tempat-tempat terbit matahari di bumi ini dan keindahan yang menyelubungi alam ketika matahari terbit itu adalah kedua-duanya wajar menyerapkan ke dalam hati manusia kesan-kesan yang memberi ilham dan mendorongkannya ke arah memikirkan penciptaan Allah yang amat indah dan ke arah beriman kepada konsep Wahdaniyah-Nya. Kerana di sana terdapat kesan-kesan yang nyata, yang menunjukkan keesaan penciptaan di alam ini, di mana tidak terdapat perbezaan dalam sifat-sifat penciptaan yang amat halus dan indah itu.

Itulah pertalian yang sesuai apabila disebut salah satu sifat dari sifat-sifat Allah Yang Maha Esa di tempat ini. Kita akan dapat melihat bahawa ayat-ayat selanjutnya yang menyebut langit dan tempat-tempat terbit matahari itu mempunyai pertalian yang sesuai yang lain pula yang kita akan lihat ketika mengulaskan bintang-bintang, panah-panah api, syaitan-syaitan dan tembakan-tembakan ke atas mereka.

\* \* \* \* \*

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 10)

إِنَّا زَيْنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ

وَحِفْظًا مِّنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ

لَّا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَىٰ وَيُقَذَّفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ

دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ

إِلَّا مَنِ خَطِئَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَاقِبٌ

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Setelah menyentuh sebahagian dari dongeng yang khusus mengenai malaikat di permulaan surah, di sini Al-Qur'an kembali pula menyentuh bahagiannya yang kedua, yang khusus mengenai syaitan. Mereka mendakwa adanya hubungan keturunan di antara Allah dengan jin betina. Setengah-setengah mereka menyembah syaitan berdasarkan hubungan ini, juga berdasarkan syaitan-syaitan itu mengetahui perkara ghaib kerana mereka dapat berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la.

Setelah menyebut langit dan bumi, kejadian-kejadian di antara keduanya dan tempat-tempat terbit iaitu sama ada tempat-tempat terbit bintang-bintang dan planet-planet atau tempat-tempat terbit matahari yang berturut-turut dan bersilih ganti di kawasan-kawasan bumi, maka dalam ayat ini Al-Qur'an menyebut pula tentang bintang-bintang:

إِنَّا زَيْنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang."(6)

#### Binatang-binatang Selaku Perhiasan Alam Yang Indah

Dengan memandang sekilas ke langit sudah cukup untuk melihat perhiasan itu dan untuk memahami bahawa keindahan itu merupakan satu unsur yang memang dirancang dalam penciptaan alam buana ini. Penciptaan Allah pada alam buana memang indah dan cantik susunannya. Keindahan pada alam buana ini merupakan satu sifat semulajadi yang amat mendalam bukannya sifat kebetulan. Reka bentuk alam buana ini dibuat di atas asas keindahan struktur dan kesempurnaan fungsi. Segala sesuatu di alam buana ini diciptakan dengan kadar yang amat rapi, dan segala kejadian di alam buana ini melaksanakan fungsinya dengan halus dan tepat. Oleh sebab itulah alam ini kelihatan begitu permai.



Langit dengan bintang-bintangnya yang bertaburan merupakan satu pemandangan yang paling indah yang dapat dilihat mata. Ia tidak jemu dipandang lama. Setiap bintang dan setiap planet berkedip-kedip dengan cahayanya masing-masing. Ia seolah-olah mata kekasih yang menjeling kepada anda, dan apabila anda memandangnya ia terus memejamkan matanya dan bersembunyi, tetapi apabila anda berpaling darinya ia kembali berkedip-kedip dengan sinarnya yang berkilau-kilau. Usaha mengikuti tempat-tempat peredaran bintang-bintang dan perubahan manzilahnya dari satu malam ke satu malam dan dari satu masa ke satu masa merupakan satu kenikmatan jiwa yang sama sekali tidak menjemukan.

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan bahawa bintang-bintang itu mempunyai satu fungsi yang lain, dan dari bintang-bintang inilah lahirnya panah-panah api yang menembak syaitan-syaitan supaya mereka jangan menghampiri alam al-Mala'ul-A'la:

#### Syaitan-syaitan Ditembak Panah-panah Api

إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَائِقٌ ﴿١٠﴾

"Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Yakni dari bintang-bintang inilah dilepaskan tembakan-tembakan untuk memelihara langit dari segala syaitan penderhaka dan untuk menghalangi mereka dari mendengar sesuatu yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la. Apabila syaitan itu cuba mencuri dengar ia akan diusir oleh tembakan-tembakan dari segenap penjuru dan mereka akan terusir jauh. Kemudian di Akhirat ia akan di'azabkan pula dengan 'azab yang berterusan. Kadang-kadang syaitan itu mencuri dengar dengan pantas sesuatu yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la lalu ia diburu semasa turunnya oleh tembakan-tembakan panah-panah api lalu membakarkannya.

Kita tidak mengetahui bagaimana syaitan itu mendengar sesuatu di alam al-Mala'ul-A'la itu, bagaimana ia mencuri dengar dengan pantas dan bagaimana ia ditembak dengan panah-panah api, kerana semuanya ini adalah perkara-perkara ghaib yang tidak mampu difaham oleh kita manusia. Apa yang menjadi kewajipan kita ialah percaya kepada segala keterangan yang datang dari sisi Allah mengenai perkara-perkara yang ghaib itu. Bukankah segala apa yang kita ketahui mengenai alam buana ini hanya kulit-kulitnya sahaja?

Yang penting di sini ialah syaitan-syaitan yang ditahan dari sampai ke alam al-Mala'ul-A'la dan dari mendengar sesuatu yang berlangsung di sana itu telah didakwa oleh kaum Musyrikin bahawa syaitan-syaitan itu mempunyai hubungan ipar dengan Allah. Andainya dakwaan mereka itu benar tentulah cara

layanan terhadap mereka berubah. Masakan ipar birasnya pula diburu, ditembak dan dibakar.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 11 - 17)

Setelah menyebut hal malaikat-malaikat, langit bumi dan makhluk-makhluk yang wujud di antara keduanya, hal bintang yang menghiasi langit yang dekat dan hal syaitan yang ditembak dengan panah api, maka Al-Qur'an memerintah Rasulullah s.a.w. bertanya kaum Musyrikin apakah kejadian diri mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain lebih sukar dari mereka? Dan andainya makhluk-makhluk itu lebih sukar dari kejadian diri mereka, maka mengapakah pula mereka merasa pelik dan mempersenda-sendakan persoalan kebangkitan selepas mati? Mengapa mereka menganggapnya sebagai mustahil berlaku, sedangkan kebangkitan selepas mati itu tidak dapat dibandingkan dengan penciptaan makhluk-makhluk yang besar itu?

فَأَسْتَفْتِيهِمْ أَهَمُّ أَسَدُ خَلْقًا أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ

مِّن طِينٍ لَا زَيْبٍ ﴿١١﴾

بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ﴿١٢﴾

وَإِذَا ذُكِرُوا لَا يَذْكُرُونَ ﴿١٣﴾

وَإِذَا رَأَوْا آيَةً يَسْتَسْخِرُونَ ﴿١٤﴾

وَقَالُوا إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

لَهُ دَامِنًا وَكُنَّا تَرَابًا وَعِظْمًا أَمْ نَأْتِي الْمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾

أَوْءَابَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

"Oleh itu tanyakanlah mereka apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakan? Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut (11). Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkarannya mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sindakannya (14). Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali? (16) Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?"(17)

#### Kebangkitan Semula Selepas Mati Itu Bukanlah Sesuatu Yang Sukar

Maksudnya, bertanyalah kepada mereka jika malaikat-malaikat, langit dan bumi, makhluk-makhluk yang wujud di antara kedua-duanya, syaitan-syaitan,

bintang-bintang dan panah-panah api semuanya merupakan makhluk-makhluk yang diciptakan Allah, maka apakah penciptaan diri mereka lebih sukar dari penciptaan alam-alam dan makhluk-makhluk tersebut?

Jawapan memang tidak ditunggu-tunggu dari mereka kerana perkara ini terlalu terang, malah pertanyaan di sini merupakan pertanyaan untuk mengecam dan melahirkan kehairanan terhadap sikap mereka yang pelik dan untuk mempersenda-sendakan cara mereka berfikir dan menilaikan persoalan itu. Oleh sebab itu Al-Qur'an menyebut kepada mereka bahan kejadian mereka yang pertama iaitu tanah liat yang lembut yang merupakan sebahagian dari bumi yang menjadi salah satu dari makhluk-makhluk tersebut:

إِنَّا خَلَقْنَا مِنْ طِينٍ لَّازِبٍ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut."(11)

Mereka sudah tentu bukannya makhluk yang lebih sukar diciptakan dari makhluk-makhluk yang disebut tadi. Sikap mereka sungguh aneh. Mereka mempersenda-sendakan bukti-bukti kekuasaan Allah dan janji Allah yang akan membangkit dan menghidupkan mereka kembali.

Perbuatan mereka ini menimbulkan kehairanan pada hati Rasulullah s.a.w., kerana perbuatan ini memperlihatkan pendirian mereka yang bingung:

بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ﴿١٢﴾

وَإِذَا ذُكِرُوا لَا يَذْكُرُونَ ﴿١٣﴾

وَإِذَا رَأَوْا آيَةً يَسْتَسْخِرُونَ ﴿١٤﴾

"Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkaran mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sendakannya."(14)

#### Sikap Yang Amat Menghairankan

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. merasa hairan terhadap sikap mereka, kerana orang yang beriman yang melihat Allah di dalam hatinya seperti yang dilihat Muhammad s.a.w. dan melihat pula berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah yang amat jelas itu tentulah merasa hairan bagaimana hati mereka buta dari memandang hakikat itu dan bagaimana mereka sanggup mengambil sikap yang pelik ini?

Ketika Rasulullah s.a.w sedang merasa pelik terhadap sikap mereka yang aneh itu, mereka terus mempersenda-sendakan persoalan-persoalan yang amat jelas yang dikemukakan kepada mereka sama ada mengenai konsep Wahdaniyah Allah atau mengenai kebangkitan selepas mati. Hati mereka terus buta dan tertutup kepada sebarang peringatan

dan pengajaran. Mereka menerima ayat-ayat Allah dengan ejekan yang keterlaluan dan mereka mencari-cari sebab dan alasan untuk mencemuhkannya sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata "يسسخرون"

Di antara alasan-alasan itu ialah mereka sifatkan Al-Qur'an itu sebagai sihir dan mempersenda-sendakannya apabila Al-Qur'an menjanjikan mereka dengan kebangkitan selepas mati:

وَقَالُوا إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

لَعَلَّ دَامِنَّا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا أَهَّ نَا لَمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾

أَوْ آبَاءُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

"Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali? (16) Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?"(17)

Mereka lalai dari melihat kesan-kesan qudrat Ilahi yang terdapat di sekeliling mereka dan pada kejadian diri mereka sendiri. Mereka lalai dari melihat kesan qudrat Ilahi pada kejadian langit dan bumi, kejadian makhluk-makhluk di antara keduanya, kejadian bintang-bintang dan panah-panah api, kejadian malaikat, syaitan dan kejadian mereka sendiri yang diciptakan dari tanah liat yang lembut. Mereka lalai dari melihat seluruh kesan qudrat Ilahi ini dan memandang mustahil bahawa qudrat Ilahi ini dapat menghidupkan mereka dan datuk nenek mereka kembali apabila mereka telah-mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, sedangkan urusan membangkit dan menghidupkan kembali orang yang telah mati bukanlah merupakan sesuatu yang pelik dan mustahil kepada qudrat Ilahi bagi siapa yang melihat realiti ini dan merenunginya sebentar dalam sorotan bukti-bukti yang disaksikan di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 18 - 68)

Oleh sebab mereka tidak merenungi bukti-bukti yang disaksikan itu dengan tenang dan tenteram, maka Al-Qur'an menggerakkan mereka dengan keras supaya menyaksikan pemandangan mereka sedang dibangkitkan kembali di Akhirat. Ia menggambarkan mereka dalam keadaan kacau-bilau: <sup>1</sup>

قُلْ نَعَمَّ وَأَنْتُمْ دَاخِرُونَ ﴿١٨﴾

"Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina."(18)

<sup>1</sup> Untuk menghuraikan pemandangan ini kami pinjam beberapa muka surat dari buku: "مشاهد القيامة في القرآن" dengan sedikit ubah suai.

Ya, kamu dan datuk nenek kamu yang dahulu akan dibangkitkan kembali dengan keadaan yang hina-dina, menyerah diri tanpa membantah dan tanpa enggan menurut perintah. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bagaimana peristiwa itu berlaku.

Tiba-tiba mereka berada di hadapan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan yang panjang yang menyentuh berbagai-bagai sudut dan menggunakan berbagai-bagai uslub, iaitu pemandangan yang menayangkan berbagai-bagai pergerakan dan diselang seli sekali dengan cara cerita dan sekali pula dengan cara dialog. Peristiwa-peristiwa dan pergerakan-pergerakan itu diselang pula dengan ulasan-ulasan yang menjadikan pemandangan itu satu pemandangan yang sempurna dan cukup hidup:

#### Senario Kebangkitan Semula

فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ فَإِذَا هُمْ يَنْظُرُونَ ﴿١٩﴾

"Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain)." (19)

Demikianlah peristiwa itu berlaku dalam sekelip mata sahaja iaitu dalam jangka masa satu pekikan sahaja. Ia dinamakan "pekikan" untuk menunjukkan bahawa peristiwa itu amat dahsyat dan keras, juga untuk menunjukkan bahawa peristiwa itu berlaku dengan perintah Illahi yang Maha Tinggi:

فَإِذَا هُمْ يَنْظُرُونَ ﴿١٩﴾

"Tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain)." (19)

kemudian secara mendadak pula mereka menjerit-jerit kaget:

وَقَالُوا يَا وَيْلَنَا هَذَا يَوْمُ الدِّينِ ﴿٢٠﴾

"Dan mereka berkata: Alangkah celakanya kami! Inilah hari balasan." (20)

Ketika mereka sedang berada dalam kebingungan, tiba-tiba mereka mendengar suara kecaman yang tidak didugai mereka:

هَذَا يَوْمُ الْفَصْلِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿٢١﴾

"Inilah hari keputusan pengadilan yang telah didustakan kamu." (21)

Demikianlah penerangan itu berpindah dari cerita kepada percakapan yang dituju kepada orang-orang yang mendustakan hari Qiamat. Kemudian perintah dikeluarkan kepada para malaikat yang ditugas melaksanakan arahan:

أَحْشُرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجَهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ ﴿٢٢﴾

مِن دُونِ اللَّهِ فَأَهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيمِ ﴿٢٣﴾

وَقِفُوهُمْ إِنَّهُمْ مَسْئُولُونَ ﴿٢٤﴾

"(Kemudian diperintahkan kepada malaikat-malaikat) kumpulkan orang-orang yang zalim (kafir) itu dan orang-orang yang seperti mereka serta segala sembah yang disembahkan mereka (22). Selain Allah dan tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim (23). Dan tahankan mereka (di Sirat), kerana mereka akan disoal." (24)

Yakni himpunkan orang-orang yang zalim itu dan orang-orang yang berdosa seperti mereka kerana mereka adalah pasangan-pasangan yang sebulu. Perintah ini merupakan satu perintah yang keras dan mengandungi penghinaan yang begitu nyata dalam ungkapan "Tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim" itulah petunjuk yang paling ganjil dan itulah jawapan yang setimpal kepada mereka yang telah memilih kesesatan dari petunjuk yang lurus. Andainya di dunia mereka tidak mendapat petunjuk ke jalan yang lurus, maka pada hari ini biarlah mereka mendapat petunjuk ke jalan Neraka Jahim.

Kini mereka diberi petunjuk, iaitu petunjuk ke Neraka Jahim dan mereka disuruh berdiri untuk disoal. Inilah perkataan yang mengandungi kecaman yang dihadapkan kepada mereka dalam bentuk pertanyaan yang lurus:

مَا لَكُمْ لَا تَنْصُرُونَ ﴿٢٥﴾

"Mengapa (sekarang) kamu tidak saling bantu membantu (seperti di dunia)?" (25)

Yakni mengapa kamu tidak bantu membantu satu sama lain ketika kamu sekalian berada di sini? Bukankah kamu memerlukan pembantu yang dapat menolong kamu? Sedangkan bersama kamu terdapat tuhan-tuhan yang telah disembahkan kamu.

Sudah tentu tiada jawapan dan tiada percakapan, malah yang ada ialah ulasan sahaja:

بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسْمِعُونَ ﴿٢٦﴾

"Bahkan mereka pada hari ini menyerah diri belaka." (26)

Seluruh mereka menyerah patuh sama ada yang menyembah dan yang disembah. Kemudian sekali lagi Al-Qur'an berpindah dari dialog kepada cerita. Ia menayangkan pemandangan mereka yang sedang bertengkar sesama mereka.

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٢٧﴾

قَالُوا إِنَّا كُنْتُمْ تَأْتُونَنَا عَنِ الْيَمِينِ ﴿٢٨﴾

"Dan mereka menemui satu sama lain bersoaljawab (menyalahkan satu sama lain) (27). Kata (para pengikut kepada para pemimpin): Kamulah yang datang membisik-bisikkan di sebelah kanan kami (untuk menyesatkan kami)." (28)

Kamulah yang datang di sebelah kanan kami membisik-bisikkan kepada kami. Oleh kerana itu

kamulah yang bertanggungjawab terhadap nasib malang yang telah menimpa kami sekarang. Ungkapan **"datang di sebelah kanan"** merupakan gambaran biasa yang dilakukan oleh orang yang hendak membisikkan, perkara-perkara rahsia kepada seseorang.

Ketika itu orang-orang yang tertuduh itu pun tampil menolak tuduhan itu dan meletakkan seluruh tanggung-jawab kepada orang-orang menuduh mereka.

قَالُوا بَلْ لَمْ تَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٢٩﴾

"Jawab (para pemimpin) sebenarnya kamu memang tidak pernah beriman." (29)

Yakni bukannya bisikan-bisikan kami yang telah menyesatkan kamu setelah kamu beriman dan mendapat hidayat.

وَمَا كَانَ لَنَا عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ

"Dan kami sekali-kali tidak mempunyai kuasa di atas kamu." (30)

Yakni kami tidak pernah menggunakan apa-apa pengaruh kami untuk memaksa kamu menerima pendapat-pendapat kami yang tidak disukai kamu.

بَلْ كُنْتُمْ قَوْمًا طَٰغِينَ ﴿٣٠﴾

"Malah kamu sebenarnya satu kaum yang pelampau." (30)

Yang melewati batas kebenaran dan bersikap zalim.

فَحَقَّ عَلَيْنَا قَوْلُ رَبِّنَا إِنَّا لَذَٰئِقُونَ ﴿٣١﴾

"Memang telah ditetapkan di atas kita sekalian keputusan 'azab dari Tuhan kita, dan kita sekalian akan merasainya." (31)

Kami dan kamu tetap akan merasakan janji 'azab itu. Kamu telah tergelincir bersama kami dengan sebab kamu mempunyai persediaan menerima kesesatan. Kami tidak berbuat apa-apa kepada kamu, cumanya kamulah yang mengikut kesesatan kami:

فَأَغْوَيْنَاكُمْ إِنَّا كُنَّا غَاوِينَ ﴿٣٢﴾

"Lalu kami sesatkan kamu kerana sesungguhnya kami adalah para penyesat." (32)

Di sini datang pula satu pengumuman lagi seolah-olah satu hukuman yang diumumkan kepada khalayak yang ramai, iaitu pengumuman yang menerangkan sebab-sebab mereka di'azab, di samping mendedahkan perbuatan-perbuatan mereka di dunia. Inilah yang menyebabkan mereka menerima keputusan Allah terhadap mereka, iaitu keputusan mendapat 'azab di Akhirat:

فَإِنَّهُمْ يَوْمَ مِيزِ فِي الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿٣٤﴾

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾

وَيَقُولُونَ إِنَّا لَنَأْتِيَنَّكَ رُكُوءًا إِلَهِنَا لِشَاعِرٍ مُّجْتَوِّنٍ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong (35). Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?" (36)

Kemudian pengumuman itu disambung dengan kecaman terhadap mereka yang mengeluarkan perkataan yang keji itu:

بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَّقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

إِنَّكُمْ لَذَٰئِقُوا الْعَذَابِ الْأَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَمَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"(Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu (39). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih." (40)

Sesuai dengan menyebut hamba-hamba Allah yang terpilih yang dikecualikan dari 'azab yang pedih itu, Al-Qur'an menayangkan pula keadaan mereka pada hari Qiamat secara bercerita sebagai perbandingan dengan keadaan 'azab yang pedih yang diterima para pendusta:

أُولَٰئِكَ لَهُمْ رِزْقٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤١﴾ فَوَاكِهِ وَهُمْ مُّكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾

فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٤٣﴾ عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَابِلِينَ ﴿٤٤﴾

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكَأْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾

بَيْضَاءَ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ ﴿٤٦﴾

لَا فِيهَا عَوِيلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنْفُونَ ﴿٤٧﴾

وَعِنْدَهُمْ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ﴿٤٩﴾

"Untuk mereka disediakan rezeki (istimewa) yang tertentu (41). Iaitu buah-buahan dan mereka sekalian adalah orang-orang yang dimuliakan (42). Di dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat (43). (Bersenang-senang) di atas takhta-takhta dengan berhadapan-hadapan (satu sama lain) (44). Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir (45). Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan

tidak pula mereka mabuk kerananya (47). Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya (48). Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik.”(49)

Itulah ni'mat yang berganda-ganda yang merangkulkan segala jenis kenikmatan, iaitu ni'mat-ni'mat rohaniyah dan ni'mat-ni'mat kebendaan. Setiap orang mendapat segala bentuk ni'mat yang disukainya.

Mula-mula mereka disebut sebagai mukhlisin (مُخْلِصِينَ):

عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿٤٩﴾  
 "Hamba-hamba Allah yang bersih."(40)

Itulah darjah penghormatan yang tinggi, kemudian mereka disebut pula sebagai:

مُكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾  
 "Orang-orang yang dimuliakan"(42)

di kalangan al-Mala'ul-A'la. Alangkah banyaknya penghormatan yang diterima mereka. Di samping itu mereka dihadangkan dengan "buah-buahan" ketika mereka berehat di atas:

سُرُرٍ مُتَقَابِلِينَ ﴿٤٤﴾  
 "Takhta-takhta berhadap-hadapan satu sama lain."(44)

Mereka diberi layanan sepenuhnya tanpa mengeluarkan apa-apa tenaga di dalam Syurga yang penuh dengan kerehatan, keredhaan dan kenikmatan itu:

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾  
 بِيَضَاءٍ لَّدَى الشَّرِبِينَ ﴿٤٦﴾  
 لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴿٤٧﴾

"Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir (45). Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan tidak pula mereka mabuk kerananya."(47)

Itulah sifat-sifat minuman yang paling, baik, yang memberi kelazatan minum dan menghindarkan segala akibat buruknya. Dia bukannya arak yang memeningkan kepala dan hidangannya tidak pula terhalang atau terputus sehingga menghilangkan kenikmatan dan kelazatannya.

وَعِنْدَهُمْ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾  
 "Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya."(48)

Yakni bidadari-bidadari yang pemalu. Mata mereka hanya tertumpu kepada pasangan-pasangan mereka

sahaja kerana sifat mereka yang pemalu dan sopan santun. Mereka mempunyai mata-mata luas yang cantik. Mereka adalah bidadari pingitan yang lemah lembut dan gebu:

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكُونٌ ﴿٤٩﴾  
 "Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik."(49)

Yang tidak pernah disentuh oleh tangan-tangan yang lain dan tidak pernah dilihat oleh mata yang ramai.

**Meninjau Teman Lama Dunia Yang Sedang Berada Dalam Neraka**

Kemudian Al-Qur'an meneruskan cerita mengenai hamba-hamba-Nya yang terpilih yang dikurniakan segala ragam kenikmatan sedang berbual-bual dengan tenang. Mereka mengenangkan cerita-cerita mereka di zaman lampau di dunia dan mengingatkan kedudukan mereka sekarang ini ialah sebagai perbandingan dengan keadaan orang-orang yang berdosa yang bertengkar sesama mereka yang telah diterangkan di awal pemandangan tadi. Dalam perbualan itu tiba-tiba salah seorang dari mereka terkenang kepada zaman silamnya, lalu ia pun menceritakan sebahagian dari peristiwa yang telah berlaku kepadanya:

قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ إِنِّي كَانَ لِي قَرِينٌ ﴿٥١﴾  
 يَقُولُ أَءِ نَكَ لِمَنِ الْمُصَدِّقِينَ ﴿٥٢﴾  
 أَءِ دَامْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا إِذْنَا لَمْدِينُونَ ﴿٥٣﴾

"Berkatalah salah seorang dari mereka: Sesungguhnya aku dahulu (di dunia) mempunyai seorang teman(51). Dia berkata (kepadaku): Adakah engkau dari golongan orang-orang yang percaya kepada (kebangkitan dan balasan)? (52) Apakah apabila kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan (dibangkit) menerima balasan?"(53)

Temannya itu mendustakan hari Akhirat dan bertanya kepadanya dengan kehairanan: Apakah dia juga termasuk di dalam golongan orang yang percaya bahawa manusia akan dibangkitkan kembali selepas mati dan akan dibalaskan amalan-amalan mereka setelah mereka mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang?

Ketika dia menceritakan kisah temannya itu kepada saudara-saudaranya, terlintaslah di dalam hatinya untuk memeriksa nasib kesudahan yang telah menimpa temannya itu dan dia tahu bahawa temannya itu telah dimasukkan ke dalam Neraka, lalu dia mengajak saudaranya meninjau bersama-sama dengannya:

قَالَ هَلْ أَنتُمْ مُطَّلِعُونَ ﴿٥٤﴾  
 فَاطَّلِعْ فِرْعَاؤُهُ فِي سَوَاءِ الْجَحِيمِ ﴿٥٥﴾

"Lalu dia berkata (kepada saudara-saudaranya dalam Syurga): Apakah kamu ingin meninjau (bagaimana temanku itu di dalam Neraka sekarang?) (54) Lalu dia pun meninjau (di dalam Neraka dan di sana) dia nampak temannya berada di tengah-tengah Neraka Jahim." (55)

Dan di waktu itu dia pun menuju kepada temannya yang dilihatnya berada di tengah Neraka untuk berkata kepadanya: Hai awak! Bukankah dahulu awak hampir-hampir menjerumuskan aku ke dalam kebinasaan kerana hasutan dan godaanmu. Nasibku baik kerana rahmat Allah telah menyelamatkan aku dari mendengar hasutanmu:

قَالَ تَأَلَّهَ إِنْ كِدْتَ لِتَرِدِينَ ﴿٥٦﴾  
وَأَوْلَا نِعْمَةَ رَبِّي لَكُنْتُ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ﴿٥٧﴾

"Dia berkata (kepada bekas temannya): Demi Allah engkau nyaris-nyaris menjerumuskanku di dalam kebinasaan (56). Jika tidak kerana ni'mat Tuhanku, sudah tentu aku termasuk di dalam golongan orang yang dibawa (ke dalam Neraka bersama engkau)." (57)

Yakni sudah tentu aku termasuk dalam kumpulan orang-orang yang diseret bersama engkau.

Pemandangan temannya yang berada di tengah Neraka itu menyedarkannya betapa limpahnya ni'mat Allah yang telah dicapai olehnya dan saudara-saudaranya dari hamba-hamba Allah yang terpilih. Kerana itu dia mahu mengesah dan meninjau kembali ni'mat itu dan meyakini bahawa dia akan terus menghayatinya buat selama-lamanya. Dia mahu berbuat begitu untuk berlazat-lazat dengan kenikmatan itu dan menambahkan lagi kecitarasaannya:

أَفَمَا نَحْنُ بِمَيِّتِينَ ﴿٥٨﴾  
إِلَّا مَوْتَنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُعَدِّينَ ﴿٥٩﴾  
إِنَّ هَذَا هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٠﴾

"Bukankah kita tidak akan mati lagi (selepas ini)? (58) Kecuali hanya mati kali yang pertama sahaja dan kita juga tidak akan di'azabkan (59). Sesungguhnya inilah keberuntungan yang amat besar." (60)

Di sini datang pula satu pengumuman yang menggerak dan mendorong hati manusia supaya berusaha dan berlumba-lumba ke arah mencapai kesudahan yang seperti itu:

لِمِثْلِ هَذَا فَلْيَعْمَلِ الْعَامِلُونَ ﴿٦١﴾

"Untuk ni'mat seperti inilah hendaknya sekalian yang berusaha itu berusaha (dengan bersungguh-sungguh)." (61)

Yakni untuk ni'mat yang seperti inilah, iaitu ni'mat yang tidak akan hilang dan kehabisan, ni'mat yang tidak akan diiringi maut dan tidak akan terancam kepada 'azab hendaknya setiap orang berusaha dan bekerja. Ni'mat inilah yang wajar diberi sepenuh perhatian. Selain dari ni'mat ini, iaitu dari ni'mat-

ni'mat yang membuat manusia menghabiskan umur mereka untuk mendapatkannya adalah ni'mat yang amat kecil dibandingkan dengan ni'mat yang kekal abadi itu.

Supaya ternyata dengan jelas adanya perbezaan yang amat besar di antara balasan ni'mat Syurga yang kekal abadi, aman damai dan penuh kepuasan itu dengan balasan 'azab yang menunggu golongan manusia yang kafir, maka Al-Qur'an berpindah pula kepada menjelaskan balasan 'azab yang menunggu golongan ini selepas upacara Mahsyar dan Hisab yang telah disebut di permulaan pemandangan ini.

أَذَلِكَ خَيْرٌ نُزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ ﴿٦٢﴾  
إِنَّا جَعَلْنَاهَا فِتْنَةً لِلظَّالِمِينَ ﴿٦٣﴾

"Apakah keraian yang sedemikian itu lebih baik atau pokok zaqqum (itu lebih baik?) (62) Sesungguhnya Kami jadikannya (pokok zaqqum) itu keseksaan kepada orang-orang yang zalim." (63)

Yakni apakah ni'mat Syurga yang kekal abadi dan merupakan tempat kediaman yang terbaik itu lebih baik atau pokok zaqqum?

Apakah pokok zaqqum itu?

إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ ﴿٦٤﴾  
طَلْعُهَا كَأَنَّهُ رُءُوسُ الشَّيْطَانِ ﴿٦٥﴾

"Sesungguhnya zaqqum itu satu pokok yang tumbuh dari dasar Neraka (64). Buahnya laksana kepala-kepala syaitan." (65)

Manusia tidak tahu bagaimana kepala syaitan itu, tetapi ia tidak syak lagi amat menakutkan. Dengan semata-mata mengimajinasikan kepala syaitan itu sahaja sudah cukup untuk menimbulkan rasa gerun dan takut. Bagaimana pula jika kepala syaitan itu merupakan buah-buahan untuk dimakan mereka dan diisikan penuh di dalam perut mereka?

Allah telah menjadikan pokok zaqqum ini suatu ujian kepada orang-orang yang zalim (kafir). Apabila mereka mendengar namanya, mereka mempersenda-sendakannya. Mereka berkata: "Bagaimana pokok boleh tumbuh di dalam Neraka dengan tidak terbakar". Abu Jahl ibn Hisyam pernah memperolok-olokkannya dengan katanya: "Wahai orang-orang Quraysy! Adakah kamu tahu apakah pokok zaqqum yang ditakut-takutkan Muhammad kepada kamu?" Jawab mereka: "Tidak". Lalu dia berkata: "Itulah tamar 'Ajwah Madinah yang dicampur dengan mentega. Jika kita makannya kita akan telannya dengan selesa". Tetapi pokok zaqqum ini adalah satu makanan yang berlainan dari makanan yang diketahui mereka.

فَإِنَّهُمْ لَأَكْوَونَ مِنْهَا فَمَا كُؤونَ مِنْهَا الْبُؤونَ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya mereka akan memakannya dan memenuhi perut mereka dengannya." (66)

Bentuk buahnya seperti kepala syaitan. Ia menikam halkum-halkum mereka dan membakar perut-perut mereka. Ia tumbuh di dasar Neraka dan tidak terbakar, kerana ia dari jenis api Neraka. Mereka mencari air sejuk untuk menghilangkan kehausan mereka, lalu mereka minum air panas selepas memakan buah zaqqum:

ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا شَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٦٧﴾

"Kemudian mereka akan dihidangkan pula selepas memakan zaqqum itu minuman dari campuran air yang amat panas." (67)

Setelah selesai makan mereka meninggalkan hidangan itu kembali ke tempat kediaman mereka yang kekal abadi. Alangkah dahsyatnya tempat kediaman mereka!

ثُمَّ إِنَّ مَرَجِعَهُمْ إِلَى الْجَحِيمِ ﴿٦٨﴾

"Kemudian (selepas minum) tempat kembali mereka ialah ke Neraka Jahim pula." (68)

Dengan ini tamatlah pemandangan yang unik itu dan berakhirlah pusingan pertama surah ini. Pemandangan ini seolah-olah merupakan sepotongan dari realiti yang dapat disaksikan.

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 148)

إِنَّهُمْ الْفَوَّاءُ آبَاءَهُمْ ضَالِّينَ ﴿٦٩﴾  
 فَهُمْ عَلَىٰ آثَرِهِمْ يَهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾  
 وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾  
 وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٧٢﴾  
 فَأَنْظَرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنذِرِينَ ﴿٧٣﴾  
 إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾  
 وَلَقَدْ نَادَيْنَا نوحًا فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ ﴿٧٥﴾  
 وَنَحْيَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ مِنْ الْكُرْبِ الْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾  
 وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُ هُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾  
 وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿٧٨﴾  
 سَلَامٌ عَلَىٰ نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ ﴿٧٩﴾  
 إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٠﴾  
 إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨١﴾

ثُمَّ أَعْرَفْنَا الْأَخْرِينَ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru (70). Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (74). Dan sesungguhnya Nuh telah berdo'a kepada Kami, maka sesungguhnya Kamiilah sebaik-baik penerima do'a (75). Dan Kami telah menyelamatkannya serta keluarganya dari malapetaka yang besar (76). Dan Kami telah jadikan zuriat mereka sahaja yang tinggal hidup (77). Dan Kami telah tinggal kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (78). Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (80). Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (81). Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya)" (82).

وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لَإِبْرَاهِيمَ ﴿٨٣﴾

إِذْ جَاءَ رَبَّهُ وَبِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾

أَيْفَ كَأَنَّ الْهَةَ دُونَ اللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾

فَمَا ظَنُّكُمْ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

فَنظَرَ نَظْرَةً فِي النُّجُومِ ﴿٨٨﴾

فَقَالَ إِنِّي سَقِيمٌ ﴿٨٩﴾ فَتَوَلَّوْا عَنْهُ مُدْبِرِينَ ﴿٩٠﴾

فَرَاغَ إِلَىٰ آلِهِ هَاتِهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩١﴾

مَا لَكُمْ لَا تَنْطِقُونَ ﴿٩٢﴾

فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا بِالْيَمِينِ ﴿٩٣﴾

فَأَقْبَلُوا إِلَيْهِ يَزْفُونَ ﴿٩٤﴾

قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ ﴿٩٥﴾

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan sesungguhnya di antara orang yang mengikut golongannya ialah Ibrahim (83). (Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera (84). (Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah? (85) Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan



semesta alam? (87) Lalu dia memandang sekilas kepada bintang-bintang (88). Kemudian berkata: Sesungguhnya aku sakit (89). Lalu mereka pun berpaling meninggalkannya (90). Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?(91). Mengapa kamu tidak bercakap? (92) Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan (93). Lalu mereka tergesa-gesa datang mendapatkannya (94). Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri? (95). Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan mengetahui apa yang dibuatkan kamu" (96).

قَالُوا ابْنُوا لَهُ بُنْيَانًا فَأَلْفُوهُ فِي الْجَحِيمِ ﴿٩٧﴾  
فَارَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَسْفَلِينَ ﴿٩٨﴾  
وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٩٩﴾  
رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾  
فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ ﴿١٠١﴾  
فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ  
أَنِّي أَدْبَحُكَ فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَا بَتِّ أِفْعَلْ مَا  
تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾  
فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾

"Lalu mereka berkata: Dirikanlah satu bangunan untuk (membakarnya) dan campakkannya ke dalam api (97). Mereka mahu melakukan tipu daya untuk (membinasakannya) lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang kalah (gagal) (98). Dan dia berkata: Sesungguhnya aku akan pergi menghadap Tuhanku. Dia akan memberi hidayat kepadaku (99). Wahai Tuhanku! Kumiakanlah kepada Kami seorang anak dari golongan para Salihin (100). Lalu Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat seorang anak yang amat sabar (101). Dan apabila anak itu sampai ke peringkat umur dapat berusaha bersamanya dia berkata: Wahai anaku! Sesungguhnya ayahanda melihat di dalam mimpi bahawa ayahanda menyembelih anakanda? Jawab anak itu: Wahai ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insya' Allah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar (102). Setelah kedua-duanya berserah bulat-bulat menjunjung perintah dan dia telah membaringkan anaknya di atas pelipisnya" (103).

وَنَدَيْنَاهُ أَن يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾  
قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾  
إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾  
وَقَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٠٨﴾  
سَلَّمَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٩﴾  
كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٠﴾  
إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١١﴾  
وَبَشَّرْنَاهُ بِإِسْحَاقَ نَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٢﴾  
وَبَارَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰ إِسْحَاقَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ  
وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ مُبِينٌ ﴿١١٣﴾

"Dan Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! (104) Sesungguhnya engkau telah membenarkan mimpi itu. Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (105). Sesungguhnya ini adalah suatu ujian yang amat jelas (106). Dan Kami telah tebuskan anaknya dengan seekor binatang sembelihan yang besar (107). Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (108). Selamat sejahtera ke atas Ibrahim (109). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (110). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (111). Dan Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat Ishaq yang akan menjadi seorang nabi dari para Solehin (112). Dan Kami telah limpahkan keberkatan ke atasnya dan ke atas Ishaq, dan di antara zuriat keduanya ada yang melakukan kebaikan (beriman) dan ada pula yang menzalimi diri sendiri (kafir) dengan terang-terangan" (113).

وَلَقَدْ مَنَّا عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١١٤﴾  
وَنَجَّيْنَاهُمَا وَقَوْمَهُمَا مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ﴿١١٥﴾  
وَنَصَرْنَاهُمْ فَكَانُوا هُمُ الْغَالِبِينَ ﴿١١٦﴾  
وَعَاتَيْنَاهُمَا الْكِتَابَ الْمُسْتَبِينَ ﴿١١٧﴾  
وَهَدَيْنَاهُمَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١١٨﴾  
وَتَرَكْنَا عَلَيْهِمَا فِي الْآخِرِينَ ﴿١١٩﴾  
سَلَّمَ عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١٢٠﴾  
إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢١﴾  
إِنَّهُمَا مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah limpahkan ni'mat Kami ke atas Musa dan Harun (114). Dan Kami telah menyelamatkan kedua-duanya serta kaum mereka dari malapetaka yang besar (115). Dan Kami telah menolong kedua-duanya lalu mereka menjadi orang-orang yang menang (116). Dan Kami telah mengurniakan kepada keduanya kitab suci yang jelas (117). Dan Kami telah memberi hidayat kepada keduanya ke jalan yang lurus (118). Dan Kami tinggalkan kepada keduanya (nama yang harum)

di kalangan generasi yang kemudian (119). Selamat sejahtera ke atas Musa dan Harun (120). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (121). Sesungguhnya kedua-duanya adalah dari hamba-hamba Kami yang mu'min" (122).

وَإِنَّ إِلْيَاسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾  
 إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَلَأَتَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾  
 أَتَدْعُونَ بَعْلًا وَتَذَرُونَ أَحْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿١٢٥﴾  
 اللَّهُ رَبُّكُمْ وَرَبَّ آبَائِكُمُ الْأُولَى ﴿١٢٦﴾  
 فَكَذَّبُوهُ فَإِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٢٧﴾  
 إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿١٢٨﴾  
 وَتَرَكَنا عَلَيْهِ فِي الْأَخْرَبِ ﴿١٢٩﴾  
 سَلَّمَ عَلَى آلِ يَأْسِينَ ﴿١٣٠﴾  
 إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾  
 إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan sesungguhnya Ilias itu adalah dari para rasul (123). (Kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah (124). Apakah patut kamu menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah sebaik-baik Pencipta? (125) Allah itulah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala (126). Lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka akan diseretkan (ke dalam Neraka) (127). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (128). Dan Kami tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (129). Selamat sejahtera ke atas Ilias (130). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (131). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min" (132).

وَإِنَّ لُوطًا لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٣﴾  
 إِذْ نَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ وَأَجْمَعِينَ ﴿١٣٤﴾  
 إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ ﴿١٣٥﴾  
 ثُمَّ دَمَّرْنَا الْأَخْرَبَ ﴿١٣٦﴾  
 وَإِنَّكُمْ لَتَمُرُّونَ عَلَيْهِمْ مُصْبِحِينَ ﴿١٣٧﴾  
 وَبِاللَّيْلِ أَفْلا تَعْقِلُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan sesungguhnya Lut adalah dari para rasul (133). (Kenangilah) ketika Kami menyelamatkannya dan sekalian keluarganya (134). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk dalam golongan yang tinggal (dalam 'azab

kebinasaan) (135). Kemudian Kami telah binasakan orang-orang yang lain (136). Dan sesungguhnya kamu (orang-orang Quraysy) memang melalui kesan-kesan peninggalan mereka di waktu pagi (137). Dan di waktu malam, mengapakah kamu tidak mahu berfikir? (138)

وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾  
 إِذْ أَتَى إِلَى الْفُلِّكَ الْمَشْحُونِ ﴿١٤٠﴾  
 فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ ﴿١٤١﴾  
 فَالْتَقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾  
 فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾  
 لَلَبِثَ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾  
 فَنبَذْنَاهُ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾  
 وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾  
 وَأَرْسَلْنَاهُ إِلَى مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾  
 فَأَمَنُوا فَمَعَّانَهُمْ إِلَى حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Dan sesungguhnya Yunus adalah dari para rasul (139). (Kenangilah) ketika dia melarikan diri menaiki bahtera yang penuh sarat (140). Dia turut mengundi dan telah menjadi dari orang-orang yang kalah (141). Lalu dia ditelan seekor ikan yang besar dan dia telah melakukan perbuatan yang wajar dicela (142). Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali (144). Lalu Kami campakkannya keluar di tebing pantai yang tandus, sedangkan dia sakit (145). Dan Kami tumbuhkan pokok labu yang menaunginya (146). Dan Kami telah utuskannya kepada (kaumnya) yang seramai seratus ribu jiwa atau lebih (147). Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka kenikmatan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu" (148).

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an kembali dari pusingan pertama mengembara di alam Akhirat, alam ni'mat dan negeri-negeri 'azab untuk memulai satu pusingan yang baru meninjau sejarah manusia iaitu menyusul jejak-jejak umat-umat purbakala yang telah berlalu. Di sini ia menayangkan kisah hidayat dan kesesatan sejak angkatan pertama manusia lagi. Dan ternyatalah bahawa kisah-kisah itu adalah satu kisah yang berulang-ulang, malah ternyatalah bahawa kaum Musyrikin yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan kekufuran dan kesesatan di Makkah itu adalah saki-baki kaum-kaum pendusta yang sesat. Al-Qur'an mendedahkan kepada kaum Musyrikin peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat-umat sebelum mereka. Ia menyentuh hari mereka dengan lembaran-lembaran peristiwa yang tergolong di dalam sejarah. Dengan cerita-cerita ini yakinilah para

Mu'minin bahawa Allah tidak pernah meninggalkan orang-orang yang beriman di zaman lampau.

Di dalam ayat-ayat berikut Al-Qur'an membentangkan sebahagian dari kisah-kisah Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Musa Harun, Ilias, Lut dan Yunus a.s. dan ia berhenti agak lama sedikit di hadapan kisah Ibrahim dan Ismail, di mana ia menayangkan keagungan keimanan, pengorbanan, keta'ataan dan sifat penyerahan diri yang haqiqi sebagaimana yang dapat dilihat pada jiwa Ibrahim dan Ismail. Semuanya diceritakan di dalam satu rangkaian yang tak pernah diceritakan dalam surah-surah yang lain dari surah ini. Semua kisah ini merupakan asas pelajaran ini.

\* \* \* \* \*

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 82)

إِنَّهُمْ الْفَوَاءُ آبَاءَهُمْ ضَالِّينَ ﴿٦٩﴾

فَهُمْ عَلَىٰ آثَرِهِمْ يُهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

فَانظُرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنذِرِينَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"*Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru (70). Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih.*"(74)

Mereka adalah begitu tua dan lama berada di dalam kesesatan. Dan dalam waktu yang sama mereka adalah pak turut-pak turut yang tidak menggunakan fikiran dan penelitian, malah mereka dengan terburu-buru mengikut jejak datuk nenek mereka yang sesat tanpa berfikir apa-apa:

إِنَّهُمْ الْفَوَاءُ آبَاءَهُمْ ضَالِّينَ ﴿٦٩﴾

فَهُمْ عَلَىٰ آثَرِهِمْ يُهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾

"*Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru.*"(70)

Mereka dan datuk nenek mereka merupakan satu gambaran dari gambaran-gambaran kesesatan kebanyakan-umat-umat yang dahulu:

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾

"*Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu.*"(71)

Kesesatan mereka adalah berlaku selepas mereka diberi amaran dan peringatan:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

"*Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan.*"(72)

Tetapi bagaimana akibat itu? Bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta itu? Bagaimana akibat hamba-hamba Allah yang terpilih? Semuanya akan diceritakan di dalam rangkaian kisah-kisah itu. Pengumuman ini hanya satu muqaddimah di permulaan kisah-kisah sahaja untuk menarik minat:

فَانظُرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنذِرِينَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"*Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih.*"(74)

Al-Qur'an mulakan dengan sebuah kisah Nuh secara sepintas lalu untuk menerangkan akibat itu dan menjelaskan inayah Allah terhadap hamba-hamba-Nya yang terpilih:

وَلَقَدْ نَادَانَا نُوحٌ فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ ﴿٧٥﴾

وَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُ هُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿٧٨﴾

سَلَامٌ عَلَىٰ نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ ﴿٧٩﴾

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٠﴾

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨١﴾

ثُمَّ أَعْرَفْنَا الْآخِرِينَ ﴿٨٢﴾

"*Dan sesungguhnya Nuh telah berdo'a kepada Kami, maka sesungguhnya Kamilah sebaik-baik Penerima do'a (75). Dan Kami telah menyelamatkannya serta keluarganya dari malapetaka yang besar (76). Dan Kami telah jadikan zuriat mereka sahaja yang tinggal hidup (77). Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (78). Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (80). Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (81). Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya).*"(82)

**Nuh Dan Zuriatnya Yang Terselamat Dari Banjir Besar**

Ayat-ayat ini mengandungi cerita ringkasan Nabi Nuh berdo'a kepada Allah dan Allah telah

memperkenankan do'anya dengan sempurna. Juga mengandungi cerita ringkasan Nuh dan keluarganya yang telah diselamatkan dari malapetaka yang besar iaitu bencana banjir besar. Tiada siapa yang terselamat dari banjir ini melainkan orang-orang yang dikehendaki dan ditaqdirkan Allah selamat dan hidup juga mengandungi isyarat bagaimana perencanaan Allah telah menjadikan zuriat Nuh sebagai pengimarah-pengimarah bumi ini dan khalifah-khalifah-Nya, dan nama mereka yang harum dikenang oleh seluruh generasi kemudian hingga ke akhir zaman:

﴿٧٨﴾ **وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ**

"Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian."(78)

Kemudian diumumkan kepada seluruh pelosok alam ucapan selamat sejahtera dari Allah ke atas Nuh sebagai balasan terhadap kebajikannya.

﴿٧٩﴾ **سَلَامٌ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ**  
 ﴿٨٠﴾ **إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ**

"Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin."(80)

Manakah balasan yang lebih besar dari balasan mendapat ucapan selamat sejahtera dari Allah dan mendapat nama yang harum seumur hidup? Fenomena kebaikan dan sebab balasan itu ialah keimanan:

﴿٨١﴾ **إِنَّهُ وَمَنْ عِبَادَنَا الْمُؤْمِنِينَ**

"Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min."(81)

Inilah balasan yang diterima oleh para Mu'minin. Adapun balasan kepada orang-orang yang tidak beriman dari kaum Nuh ialah mereka telah dibinasa dan dihapuskan banjir:

﴿٨٢﴾ **ثُمَّ أَعْرَفْنَا الْآخِرِينَ**

"Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya)."(82)

Sunnatullah telah berjalan sejak permulaan angkatan manusia di zaman yang amat jauh sebagaimana telah disinggung di permulaan kisah-kisah ini:

﴿٧٢﴾ **وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِمْ مُنْذِرِينَ**  
 ﴿٧٣﴾ **فَانظُرْ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الْمُنْذِرِينَ**  
 ﴿٧٤﴾ **إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ**

"Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi

peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(74)

\* \* \* \* \*

**(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 87)**

**Contoh Keta'atan Dan Penyerahan Diri Yang Paling Tinggi Dari Ibrahim Dan Ismail**

Kemudian tiba pula kisah Ibrahim dalam dua babak yang utama iaitu babak beliau berda'wah kepada kaumnya dan memecahkan berhala-berhala mereka dan bagaimana mereka merancang hendak membunuh beliau, kemudian Allah telah menyelamatkan beliau dan menggagalkan rancangan musuh-musuhnya. Babak ini adalah satu babak yang berulang-ulang diceritakan di dalam surah-surah yang lain. Satu babak lagi ialah babak yang baru yang tidak pernah disebut di dalam surah-surah yang lain dari surah ini iaitu babak mengenai peristiwa-peristiwa mimpi, penyembelihan dan tebusan yang diceritakan dengan terperinci dengan uslub yang menarik dan mencemaskan itu. Babak ini menggambarkan setinggi-tinggi contoh kepatuhan, pengorbanan, penebusan dan penyerahan diri kepada Allah di alam 'aqidah di sepanjang sejarah manusia yang amat panjang itu.

﴿٨٣﴾ **وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لَإِبْرَاهِيمَ**  
 ﴿٨٤﴾ **إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ**  
 ﴿٨٥﴾ **إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ**  
 ﴿٨٦﴾ **أَيَقَاءَ إِلَهَةٍ دُونَ اللَّهِ تُرِيدُونَ**  
 ﴿٨٧﴾ **فَمَا ظَنُّكُمْ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ**

"Dan sesungguhnya di antara orang yang mengikut golonganannya ialah Ibrahim (83). (Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera (84). (Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah? (85) Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Inilah permulaan kisah dan pemandangan pertama dari kisah itu. Ini adalah perpindahan dari kisah Nuh kepada kisah Ibrahim. Di antara keduanya terjalin ikatan 'aqidah, da'wah dan perjuangan yang sama. Beliau adalah dari orang-orang yang mengikut Nuh walaupun di antara dua rasul dan dua risalah itu dipisahkan oleh zaman yang jauh. Inilah sistem hidup Ilahi Yang Tunggal dan di sinilah letaknya titik pertemuan dan persamaan kedua orang rasul itu.

Al-Qur'an menonjolkan salah satu sifat Ibrahim iaitu sifat kesucian hatinya, kebersihan 'aqidahnya dan ketulusan dhamirnya:

﴿٨٤﴾ **إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ**

"(Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera."(84)

Itulah gambaran penyerahan diri dan kepatuhan yang tulus kepada Allah, dan gambaran kesucian, kebersihan, kelurusan dan kejujuran. Kata-kata "Sejahtera" (سليم) menyaran dan menggambarkan segala pengertiannya dan dalam waktu yang sama kata-kata itu mudah dimengerti dan jelas difahami. Walaupun kata-kata ini merangkumi sifat-sifat yang banyak, iaitu sifat suci, bersih, ikhlas dan jujur, namun kata-kata itu kelihatan amat mudah dan dapat menyampaikan segala pengertiannya lebih luas dari yang dapat disampaikan oleh sifat-sifat itu secara berkumpul. Inilah salah satu keindahan pengungkapan Al-Qur'an yang unik itu.

Dengan hati yang sejahtera inilah beliau mengecam perbuatan-perbuatan dan kepercayaan-kepercayaan kaumnya, iaitu kecaman yang terbit dari hati yang sejahtera, dari fikiran dan tingkahlaku yang tidak menyeleweng dari fitrah yang benar:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾  
 أَيِفْكَاءَ إِلَهَآءِ دُونِ اللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾  
 فَمَا ظَنُّكُمْ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

"(Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(85). Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Beliau melihat mereka menyembah berhala, lalu beliau mengecam mereka dengan fitrah yang sejahtera:

مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾  
 "Apakah yang kamu sembah?"(85)

Kerana apa yang disembah mereka adalah tidak wajar disembah dan tidak wajar mereka menjadi penyembah. Perbuatan menyembah sesuatu yang tidak benar itu adalah suatu pembohongan yang terang-terangan. Adakah kamu sengaja membuat pembohongan itu?

أَيِفْكَاءَ إِلَهَآءِ دُونِ اللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾  
 "Adakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah?"(86)

Apakah pula pandangan kamu terhadap Allah?

Apakah pandangan kamu itu jatuh hingga ke tahap yang dijijikkan oleh fitrah dengan seimbans pandangan sahaja?

فَمَا ظَنُّكُمْ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾  
 "Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Kata-kata ini memperlihatkan kecaman fitrah yang sejahtera dan jujur yang mengetahui sesuatu yang

terang-terang bercanggah dengan perasaan, akal dan hati nurani.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut jawapan mereka dan dialog mereka dengan beliau, malah terus masuk ke dalam pemandangan berikut, dengan menjelaskan keazaman dan keputusan yang telah diambil beliau terhadap pembohongan yang terang-terangan:

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

فَنظَرَ نَظْرَةً فِي النُّجُومِ ﴿٨٨﴾  
 فَقَالَ إِنِّي سَقِيمٌ ﴿٨٩﴾ فَتَوَلَّوْا عَنْهُ مُدْبِرِينَ ﴿٩٠﴾  
 فَرَاغَ إِلَى إِلَهِآءِهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩١﴾  
 مَا لَكُمْ لَا تَنطِقُونَ ﴿٩٢﴾  
 فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا بِالْيَمِينِ ﴿٩٣﴾

"Lalu dia memandang sekilas kepada bintang-bintang (88). Kemudian berkata: Sesungguhnya aku sakit (89). Lalu mereka pun berpaling meninggalkannya (90). Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?(91). Mengapa kamu tidak bercakap?(92). Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan."(93)

Ibrahim a.s. Bertindak Tegas

Menurut cerita, pada masa itu kaum Ibrahim sedang merayakan hari raya mereka, iaitu mungkin hari raya Naruz, mereka beramai-ramai keluar ke taman-taman dan di tanah-tanah lapang setelah mereka meletakkan buah-buahan di hadapan berhala-berhala untuk diberkatinya. Kemudian mereka kembali pula mengambil buah-buahan itu setelah selesai mengambil angin dan bersiar-siar. Ketika itu Nabi Ibrahim a.s. telah pun mengambil keputusan untuk melakukan sesuatu setelah beliau hilang harapan mendapat sambutan dari mereka terhadap da'wahnya. Kini beliau yakin bahawa fitrah mereka telah menyeleweng jauh dan tidak dapat dibaiki lagi. Beliau menunggu ketibaan hari raya ini, di mana kaumnya akan keluar beramai-ramai meninggalkan kuil-kuil dan berhala-berhala mereka. Beliau menunggu hari ini untuk melaksanakan rancangannya. Kebosanan beliau terhadap penyelewengan kaumnya telah sampai ke puncaknya. Kebosanan itu telah memematkan hatinya dan melesukan kekuatannya. Oleh itu apabila beliau diajak meninggalkan kuil pada hari itu, beliau merenung ke langit sambil berkata: "Sesungguhnya aku sakit" aku tidak terdaya keluar ke tempat-tempat peranginan dan tempat-tempat yang suci. Hanya orang-orang yang ingin mencari hiburan dan kenikmatan, juga orang-orang yang, senang hati sahaja yang dapat keluar ke tempat-tempat itu, sedangkan hati Ibrahim tidak senang dan jiwanya tidak aman.

Beliau ucapkan kata-kata itu untuk menyatakan kebosanan dan kepenatannya, juga supaya mereka tinggalkannya dan tidak mengganggunya. Apa yang dikatakan beliau itu bukannya suatu pembohongan darinya, malah beliau benar-benar mengalami kepenatan dan letih lesu pada hari itu. Memang kebosanan boleh membuat seseorang itu sakit dan letih lesu.

Orang ramai keluar tergesa-gesa untuk merayakan adat resam mereka pada hari raya itu. Mereka tidak lagi pedulikan hal beliau, malah mereka terus keluar meninggalkannya kerana sibuk bersuka-suka pada hari raya. Inilah peluang yang diidamkan beliau.

Lalu beliau dengan segera menuju ke berhala-berhala yang didakwakan mereka sebagai tuhan-tuhan itu. Di hadapan berhala-berhala itu telah diletakkan berbagai-bagai makanan yang baik dan buah-buahan yang baru dipetik. Lalu beliau berkata mengejek: **"Mengapa kamu tidak makan?"**

فَرَاغَ إِلَىٰ آلِهِم مِّمَّا فَتَاٰ لَاتَا كُوْنًا ۙ (91)

"Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?"(91)

Tentulah berhala-berhala itu tidak dapat menjawab dan beliau terus mengejek lagi dengan marah.

مَا لَكُمْ لَا تَنطِقُوْنَ ۙ (92)

"Mengapa kamu tidak bercakap?"(92)

Beliau bercakap kepada yang tidak tahu, tidak mendengar dan tidak bertutur. Itulah kemuncak perasaan bosan yang biasa berkecamuk di dalam hati seseorang. Itulah perasaan bosan beliau terhadap perbuatan dan kefahaman kaumnya yang karut di sebalik tuhan-tuhan palsu itu. Sekali lagi tuhan-tuhan itu tidak menjawab dan di sini beliau terus melepaskan geramnya dengan tindakan bukan lagi dengan perkataan:

فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا يَٰلَيْمِيْنَ ۙ (93)

"Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan."(93)

Dengan tindakan itu sembuhlah hatinya dari kesakitan, kedukacitaan dan kebosanan.

Kemudian pemandangan itu diikuti pula oleh satu pemandangan yang baru, iaitu orang ramai telah kembali dan mereka melihat pecahan-pecahan berhala itu kelihatan berselerak. Di sini Al-Qur'an hanya menerangkan dengan ringkas sahaja apa yang diceritakannya dengan terperinci di dalam satu surah yang lain, iaitu tentang pertanyaan mereka: Siapakah yang telah melakukan perbuatan ini ke atas tuhan-tuhan mereka dan bagaimana akhirnya mereka mendapat tahu siapakah orang yang begitu berani melakukannya? Di sini Al-Qur'an terus menceritakan bagaimana mereka berdepan dengan Ibrahim.

### (Pentafsiran ayat-ayat 94 - 98)

فَاَقْبَلُوْا اِلَيْهِ يَرْفُوْنَ ۙ (94)

"Lalu mereka tergesa-gesa datang mendapatkannya." (94)

Mereka mendengar berita itu dan mereka tahu siapakah yang melakukannya, lalu mereka pun dengan segera mendapatkan beliau. Mereka datang dalam kumpulan yang ramai dan penuh kemarahan, sedangkan beliau cuma seorang diri, tetapi beliau seorang Mu'min yang tahu ke mana hendak melangkah dan tahu Tuhannya dengan nyata. 'aqidahnya begitu jelas dan terang kepadanya. Dia memahaminya di dalam hatinya dan melihat bukti-buktinya di alam buana di sekelilingnya. Oleh itu dia lebih kuat dari kumpulan kaumnya yang ramai dan sedang meradang itu, iaitu kaum, yang rosak 'aqidah dan kefahaman mereka, oleh kerana itu beliau mencabar mereka dengan hakikat fitrah yang mudah. Beliau tidak peduli bilangan mereka yang ramai dan tidak hiraukan kemarahan mereka yang meluap-luap.

قَالَ اَتَعْبُدُوْنَ مَا تَتَّحِثُوْنَ ۙ (95)

وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُوْنَ ۙ (96)

"Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah Tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri? (95) Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan apa yang dibuatkan kamu."(96)

Itulah logik fitrah yang dilaungkan ke muka mereka. **"Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri?"** Sedangkan Tuhan sebenar yang disembah pastilah bersifat dengan sifat pencipta bukannya bersifat dengan sifat makhluk yang dicipta.

وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُوْنَ ۙ (96)

"Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan apa yang dibuatkan kamu."(96)

Yakni Allah itulah Pencipta Yang Tunggal yang layak disembah.

Walaupun logik ini begitu jelas dan mudah, namun kaumnya yang ramai dan terburu-buru itu tidak dapat menerimanya. Bilakah yang kebatilan pernah mendengar suara kebenaran yang mudah? Lalu pembesar-pembesar mereka dengan terburu-buru merancang kezaliman mereka dalam bentuk yang amat kejam:

قَالُوْا اَبْنُوْا لَهٗ رُبِّيْكَ فَاَلْقُوْهُ فِي الْجَحِيْمِ ۙ (97)

"Lalu mereka berkata: Dirikanlah satu bangunan untuk (membakarnya) dan campakkannya ke dalam api."(97)

Itulah logik besi dan api. Itulah sahaja logik yang diketahui oleh pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kehabisan hujjah-hujjah dan dalil-dalil, juga apabila mereka digugat oleh kalimat yang benar, tulen dan mempunyai pengaruh yang terang.

Di sini Al-Qur'an menyebut dengan ringkas apa yang telah berlaku selepas mereka berkata begitu untuk menyangkan akibat yang diterima oleh hamba-hamba-Nya yang terpilih yang telah dijanjikan Allah kepada mereka di samping menerangkan akibat yang menimpa musuh-musuh mereka yang mendustakan ajaran Allah:

فَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَسْفَلِينَ ﴿٩٨﴾

"Mereka mahu melakukan tipu daya untuk (membinasakannya), lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang kalah (gagal)."(98)

Ke manakah tipu daya manusia jika Allah kehendaki? Apakah daya yang dapat dilakukan manusia-manusia lemah yang menjadi pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang, juga yang menjadi para pembesar dan sahabat-sahabat kepada pemerintah-pemerintah itu jika Allah telah menentukan kehendak-Nya untuk melindungi hamba-hamba-Nya yang terpilih?

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 99 - 103)

Kemudian tibalah babak yang kedua dari kisah Ibrahim a.s. Ceritanya dengan bapanya dan kaumnya telah pun tamat. Mereka mahu membunuh Ibrahim di dalam api yang mereka namakannya sebagai "Jahim", tetapi Allah telah menentukan kehendak-Nya bahawa mereka gagal melaksanakan rancangan jahat mereka dan Allah telah menyelamatkan beliau dari tipu daya mereka seluruhnya.

Sampai di sini Ibrahim a.s. mengakhiri satu peringkat hidupnya untuk menghadapi satu peringkat hidup yang baru pula.

وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٩٩﴾

"Dan dia berkata: Sesungguhnya aku akan pergi menghadap Tuhanku. Dia akan memberi hidayat kepadaku."(99)

#### Ibrahim Berhijrah Kepada Allah

Demikianlah Ibrahim pergi menghadap Tuhannya dan itulah hijrahnya, iaitu hijrah nafsia sebelum melaksanakan hijrah makaniah. Beliau berhijrah meninggalkan segala-galanya yang ada hubungan dengan masa hidupnya yang silam. Beliau meninggalkan bapanya, kaumnya, keluarganya, rumahtangganya, tanahairnya dan segala sesuatu yang ada hubungan dengan dunia dan manusia. Beliau meninggalkan di belakangnya segala sesuatu yang memberi halangan dan kesibukan kepadanya. Beliau berhijrah kepada Allah dengan meninggalkan segala-galanya dan menyerahkan dirinya bulat kepada Allah dengan keyakinan bahawa Allah akan memberi hidayat kepadanya, akan memelihara jejak langkahnya dan meletakkannya di jalan yang lurus.

Itulah hijrah yang sempurna dari satu keadaan kepada satu keadaan, dari satu kedudukan kepada satu kedudukan dan dari berbagai-bagai perhubungan kepada satu perhubungan. Maksud

ungkapan ini ialah membayangkan tajarrud (pengosongan jiwa dari segala sesuatu selain dari Allah), keheningan hati, penyerahan diri kepada Allah, ketenteraman dan keyakinan.

Hingga ke masa kini Nabi Ibrahim masih seorang diri. Beliau belum lagi mempunyai anak ketika beliau meninggalkan di belakangnya segala hubungan keluarga, kaum kerabat, sahabat handai dan kenalan, juga segala kebiasaan-kebiasaan hidupnya yang silam dan segala pertaliannya dengan masyarakat hidupnya. Beliau telah memutuskan hubungannya dengan kaumnya yang telah mencampakkannya ke dalam api. Beliau bertawajjuh kepada Allah yang diumumkannya bahawa dia akan pergi menghadap-Nya. Beliau bertawajjuh kepada-Nya memohon zuriat yang Mu'min dan keturunan yang salih:

رَبِّ هَبْ لِي مِنْ الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepada Kami seorang anak dari golongan Para Salihin."(100)

Lalu Allah memperkenalkan do'a hamba-Nya yang salih itu yang telah tinggalkan segala-galanya untuk datang kepada-Nya dengan hati yang sejahtera.

فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Lalu Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat seorang anak yang amat sabar."(101)

Anak itu ialah Ismail a.s. sebagaimana yang ditunjukkan oleh keterangan sejarah dan surah. Kita akan melihat kesan-kesan kesabarannya, iaitu sifat yang diberikan Allah kepadanya semasa dia masih seorang budak. Di sini dapatlah kita bayangkan betapa gembiranya Ibrahim yang sebatang kara, yang berhijrah dan terpisah dari keluarga dan kaum kerabatnya itu apabila beliau mendapat seorang anak yang disifatkan Allah sebagai seorang anak yang amat sabar.

Kini tibalah masanya kita meninjau satu pendirian yang agung dan unik dalam sejarah hidup Ibrahim, malah di dalam sejarah hidup umat manusia seluruhnya. Kini sampailah masanya kita berdiri di hadapan satu contoh yang amat menarik yang telah dikemukakan Allah di dalam Al-Qur'an kepada umat Muslimin, iaitu satu contoh yang diambil dari sejarah hidup moyang mereka Nabi Ibrahim a.s.

#### Di Hadapan Contoh Keimanan Yang Cemerlang

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤِيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ

أَنِّي أَدْبَحُكَ فَأَنْظُرُ مَاذَا تَرَىٰ ۗ قَالَ يَكْتَابُ أَفْعَلُ مَا

تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan apabila anak itu sampai ke peringkat umur dapat berusaha bersamanya dia berkata: Wahai anakku! Sesungguhnya ayahanda melihat di dalam mimpi bahawa ayahanda menyembelih anakanda. Oleh itu fikirkanlah apa pendapat anakanda? Jawab anak itu: Wahai



ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar.”(102)

Ya Allah! Alangkah tingginya keimanan, keta’atan dan penyerahan diri Nabi Ibrahim a.s. yang telah tua, terputus dari keluarga dan kaum kerabat dan telah berhijrah dari bumi dan tanahairnya itu, tiba-tiba dalam usianya yang lanjut itu telah dikurniakan seorang anak yang sekian lama diidam-idamkannya. Kemudian si anak yang datang itu pula adalah seorang anak yang istimewa yang disifatkan Allah sebagai seorang anak yang amat sabar, tetapi sebaik sahaja ia mula terhibur dengan anaknya yang semakin membesar dan mencapai usia yang dapat berusaha bersama-sama dengannya dan dapat menemani hidupnya, tiba-tiba beliau bermimpi bahawa beliau menyembelihkannya anaknya itu. Beliau sedar bahawa mimpi itu merupakan satu isyarat dari Allah supaya beliau mengorbankan anaknya. Apakah beliau buat? Beliau tetap tidak ragu-ragu dan teragak-agak. Tiada perasaan yang terlintas di dalam hatinya selain dari rasa keta’atan dan kepatuhan menyerah diri kepada Allah. Biar pun mimpi itu hanya suatu isyarat sahaja bukannya suatu wahyu yang terang atau perintah secara langsung, tetapi ia adalah isyarat yang datang dari Allah. Ini sahaja sudah cukup bagi beliau untuk menyambut dan menjunjung isyarat itu tanpa membantah dan tanpa menyoal Tuhannya: Wahai Tuhanku! Mengapakah aku pasti menyembelihkannya anakku yang tunggal?”

Tetapi beliau tidak menyambut dan mematuhi isyarat itu dengan perasaan yang cemas dan gelisah, malah beliau menyambutnya dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Ini dapat dilihat dalam kata-kata beliau kepada anaknya ketika beliau menyampaikan perintah yang amat besar ini kepadanya:

قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى

“Wahai anakku! Sesungguhnya aku melihat di dalam api bahawa aku (diperintah) menyembelihkannya. Oleh itu fikirkanlah apa pendapatmu?”(102)

Inilah kata-kata orang yang dapat menahankan perasaan-perasaannya dan kata-kata orang yang tenang menghadapi perintah. Inilah kata-kata orang yang yakin bahawa dia menunaikan kewajipan terhadap Allah. Di samping itu kata-kata itu sendiri merupakan kata-kata orang Mu’min yang tidak dapat digentarkan oleh perintah hingga menyebabkan dia terpaksa melaksanakan perintah itu dengan terburu-buru dan gopoh-gapah untuk melepaskan bebannya supaya semuanya selesai dengan segera dan supaya urat sarafnya dapat beristirahat dari tekanannya yang berat itu.

Perintah itu tidak syak lagi merupakan satu perintah yang amat sukar. Ia bukannya satu perintah supaya beliau mengirinkan anak-anaknya yang tunggal ke

medan pertempuran dan bukan pula satu perintah supaya beliau menugaskan anaknya melaksanakan suatu tugas yang boleh menamatkan riwayat hidupnya, tetapi perintah itu adalah perintah supaya dia sendiri menamatkan riwayat hidup anaknya dengan tangannya sendiri. Menamatkan riwayat hidupnya dengan apa? Dengan menyembelihkannya. Namun demikian Nabi Ibrahim a.s. tetap menjunjung perintah itu dan mengemukakannya kepada anaknya supaya dia berfikir dan memberi pendapatnya.

Beliau tidak menangkap anaknya secara mendadak dan mengejut untuk melaksanakan perintah Tuhannya, kemudian selesai, malah ia mengemukakan perkara itu kepada anaknya seperti seorang yang mengemukakan sesuatu perkara yang biasa sahaja. Perintah itu ditanggapkan beliau begini: Allah mahu dia berbuat begitu, maka dia pasti melaksanakan kehendak Ilahi itu dengan penuh keta’atan dan kepatuhan. Anaknya juga pasti tahu perintah ini dan menjunjungkannya dengan patuh, bukan dengan terpaksa supaya dia juga mendapat pahala keta’atan dan supaya dia juga menyerahkan dirinya kepada Allah agar sama-sama merasakan kemanisan penyerahan diri kepada Allah. Beliau ingin anaknya dapat menghayati citarasa menjunjung perintah yang dihayatinya dan dapat mencapai kebajikan yang dilihatnya lebih kekal dari hidup dunia ini.

Bagaimana pula sikap si anak yang ditawarkan penyembelihan itu untuk merealisasikan mimpi yang dilihat bapanya?

Si anak meningkat ke kancah yang ditingkatkan bapanya sebelum ini:

قَالَ يَا أَبَتِ أَفَعَلَ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّادِقِينَ

“Jawab anak itu: Wahai ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar.”(102)

Dia berkata:

يَا أَبَتِ  
“Wahai ayahandaku!”(102)

Dengan penuh kasih mesra, gambaran disembelih tidak menakutkannya dan tidak menghilangkan kesiumannya, malah tidak menghilangkan adab sopannya dan kasih sayangnya.

أَفَعَلَ مَا تُؤْمَرُ

“Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda.”(102)

Dia merasa apa yang telah dirasakan bapanya. Dia sedar bahawa mimpi itu merupakan suatu isyarat dan isyarat itu bererti perintah. Baginya isyarat sahaja

sudah cukup untuk melaksanakan perintah itu tanpa ragu-ragu dan teragak-agak.

Kemudian dia memperlihatkan pula adab sopannya terhadap Allah, juga memperlihatkan bahawa dia tahu batas-batas qudrat dan kemampuan ketahanannya. Dia memohon pertolongan dari Allah untuk mengatasi kelemahannya. Dia memulangkan kelebihan itu kepada Allah yang telah menolongnya untuk melaksanakan pengorbanan dan keta'atan itu:

سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

"InsyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar." (102)

Dia mengambil isyarat itu bukan untuk jadi pahlawan, bukan untuk menunjuk berani dan bukan kerana terburu-buru untuk menghadapi risiko tanpa peduli sesuatu apa. Dia tidak memperlihatkan apa-apa kelebihan dan kepentingan dirinya, malah dia memulangkan seluruh kelebihan itu kepada Allah, kerana Dialah yang telah menolongnya untuk melaksanakan tugas yang dituntut darinya itu dan menjadikannya sabar untuk menjunjung apa sahaja yang dikehendaki darinya:

سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

"InsyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar." (102)

Alangkah tinggi adab sopannya, alangkah cemerlang keimanannya, alangkah luhur keta'atannya dan alangkah agung penyerahan dirinya kepada Allah!

#### Detik-detik Agung Ibrahim a.s. Membaringkan Anak Kesayangannya Untuk Disembelihkan

Kemudian pemandangan itu maju setapak lagi selepas dialog itu, iaitu maju ke arah tindakan dan pelaksanaan:

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾

"Setelah kedua-duanya berserah bulat-bulat menjunjung perintah dan dia telah membaringkan anaknya di atas pelipisnya." (103)

Sekali lagi keluhuran keta'atan, keagungan keimanan dan ketenteraman hati yang redha meningkat begitu tinggi hingga mengatasi darjat yang biasa dicapai manusia. Si ayah bertindak menjunjung perintah. Dia merebahkan anaknya di atas pelipisnya sebagai persediaan untuk disembelih, sedangkan si anak pula berserah bulat dan tidak bergerak-gerak, semuanya berlaku di depan mata masing-masing.

Kedua-dua ayah dan anak itu masing-masing menyerahkan diri bulat-bulat kepada Allah dan inilah yang dikatakan Islam. Inilah hakikat Islam, iaitu percaya, ta'at, patuh, tenang, redha, menyerah diri kepada Allah dan bertindak melaksanakan perintah. Inilah perasaan-perasaan yang dihayati di dalam hati mereka berdua dan perasaan-perasaan itu tidak dapat diciptakan melainkan oleh keimanan yang agung.

Ini bukannya keberanian dan bukannya semangat dan keghairahan yang berkobar-kobar. Seorang pejuang memang sanggup berlepas ke medan perang dengan semangat yang berkobar-kobar untuk membunuh dan dibunuh. Seorang perajurit berani mati memang sanggup berlepas ke medan dengan penuh semangat, walaupun dia tahu bahawa dia tidak akan pulang lagi, tetapi ini semuanya merupakan satu perkara dan apa yang dilakukan oleh Ibrahim dan anaknya Ismail adalah satu perkara yang lain pula. Di sini tiada gemuruh darah, tiada semangat yang berkobar-kobar dan tiada tindakan yang terburu-buru yang menyembunyikan di sebaliknya perasaan-perasaan takut, lemah dan pengecut, malah di sini hanya penyerahan diri yang bulat yang dilakukan dengan penuh kesedaran, kemahuan dan pengetahuan, malah di sini hanya keredhaan yang tenang dan gembira untuk menghayati rasa keta'atan yang citarasa.

Di sini Ibrahim dan Ismail telah menunaikan kewajipan masing-masing, kedua-duanya telah melaksanakan perintah dan tugas masing-masing. Cuma yang masih tinggal lagi kepada Ibrahim ialah menyembelih Ismail, mengalirkan darahnya dan meragutkan nyawanya. Ini tidak bermakna apa-apa di dalam neraca Allah setelah Ibrahim dan Ismail meletakkan di dalam neraca itu jiwa mereka, keazaman mereka, perasaan mereka dan segala apa yang dikehendaki Allah dari mereka.

Ujian Allah telah sempurna, hasil-hasilnya telah ketara dan tujuan-tujuannya telah terlaksana. Cuma yang tinggal hanya kesakitan jasmani, darah yang memancut dan tubuh yang disembelih sahaja lagi, tetapi Allah S.W.T. tidak mahu mengazabkan hamba-hamba-Nya dengan ujian itu. Allah tidak berkehendak apa-apa pun dari darah dan jasad mereka. Apabila mereka telah memberi keikhlasan kepada Allah dan bersedia untuk melaksanakan perintah-Nya dengan segala apa yang ada pada mereka, maka ini bererti mereka telah menunaikan kewajipan mereka dan telah melalui ujian itu dengan jayanya.

Allah telah mengetahui kebenaran Ibrahim dan Ismail dan oleh kerana itu Allah mengirakan mereka telah pun menunaikan kewajipan mereka dan telah pun melaksanakan perintah-Nya.

#### (Pentafsiran ayat-ayat 104 - 113)

##### Pengurniaan Tebusan

وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾

قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾

وَقَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

"Dan Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! (104) Sesungguhnya engkau telah membenarkan mimpi itu. Demikianlah Kami

*mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (105). Sesungguhnya ini adalah suatu ujian yang amat jelas (106). Dan Kami telah tebuskan anaknya dengan seekor binatang sembelihan yang besar.”(107)*

Yakni engkau telah membenarkan dan merealisasikan mimpi itu. Allah tidak berkehendak apa-apa kecuali keislaman dan penyerahan diri yang mutlak kepada-Nya hingga tiada suatu, apa yang tinggal pada diri, seseorang yang hendak disembunyikannya dari Allah atau yang dirasa sayang untuk dikorbankan demi menjunjung perintah-Nya walaupun anak kesayangan dan walaupun nyawa sendiri. Engkau - wahai Ibrahim - telah pun melakukan semuanya ini. Engkau telah bermurah hati bersedia untuk mengorbankan segala-galanya walaupun anak yang paling disayangimu. Engkau telah bersedia mengorbankan segala-galanya dengan penuh kerelaan, ketenteraman, ketenangan dan keyakinan. Cuma yang tinggal lagi hanya daging dan darah sahaja dan ini boleh diganti dengan menyembelih binatang. Allah telah menebuskan jiwa orang yang telah menunaikan kewajipan dan menyerahkan diri kepadanya dengan seekor binatang yang besar. Menurut satu pendapat, binatang itu ialah seekor kibas yang didapati Ibrahim tersedia di situ dengan kuasa Allah supaya disembelihkannya sebagai ganti Ismail.

Kemudian dikatakan kepadanya:

قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾  
*“Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin.”(105)*

Yakni kami mengumumkan balasan yang baik kepada mereka dengan memilih mereka untuk menghadapi ujian seperti ini. Kami mengurniakan balasan yang baik kepada mereka dengan membimbing hati mereka dan meningkatkannya ke taraf sifat yang amat setia. Kami mengurniakan balasan yang baik kepada mereka dengan membolehkan mereka melaksanakan perintah itu dan memberi kesabaran kepada mereka untuk menjunjung perintah itu. Dan seterusnya kami membalas mereka dengan balasan yang wajar.

#### Asal Ibadat Korban Pada Hari Al-Adha

Dengan peristiwa ini berlangsunglah tradisi berkorban pada hari raya Aidil Adha sebagai memperingati peristiwa yang agung itu, iaitu satu peristiwa luhur yang melambangkan kemuncak hakikat keimanan, kecemerlangan kepatuhan dan keagungan penyerahan diri kepada Allah. Ia merupakan satu peristiwa contoh yang dapat dirujuk kepada umat Muslimin supaya mereka mengetahui hakikat moyang mereka Ibrahim a.s., yang mereka ikuti agamanya, mewarisi nasab keturunannya dan 'aqidahnya, juga supaya mereka mengetahui tabi'at 'aqidah yang menjadi tapak tegak mereka atau asas pendirian mereka, iaitu supaya

mereka mengetahui bahawa tabi'at 'aqidah itu ialah menyerah kepada taqdir-taqdir Allah dengan penuh kepatuhan, kerelaan, kepercayaan dan menjunjung perintah tanpa menyoal Allah mengapa dan kenapa? Juga tanpa teragak-agak melaksanakan kehendak Allah sebaik sahaja mendapat perintah-Nya, tanpa menyimpan sesuatu di dalam hati mereka dan tanpa memilih suatu cara yang lain dari cara yang dikehendaki Allah supaya mereka melaksanakan perintah itu.

Seterusnya supaya mereka mengetahui bahawa Allah tidak bertujuan menyeksakan mereka dengan ujian itu, malah Allah menghendaki mereka menjunjung ujian itu dengan ta'at, patuh, menyerah dan tanpa berlengah-lengah. Apabila Allah mengetahui kebenaran keta'atan mereka, maka Allah membebaskan mereka dari pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan dan Allah mengirakannya bahawa mereka telah menunaikan perintah. Allah menerima keta'atan mereka, menebus mereka dan memuliakan mereka sebagaimana Allah telah memuliakan moyang mereka.

*“Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian.”(108)*

Yakni beliau disebut oleh seluruh generasi yang bersilih ganti dan dikenang di sepanjang abad. Beliau dianggap sebagai satu umat, sebagai bapa para Anbia' dan bapa umat Muslimin. Merekalah yang mewarisi agamanya dan merekalah yang ditugaskan Allah supaya memimpin umat manusia mengikut agama Ibrahim. Oleh kerana itu Allah telah memanjangkan keturunan beliau sehingga kepada hari Qiamat.

سَلَامٌ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٩﴾

*“Selamat sejahtera ke atas Ibrahim.”(109)*

Yakni ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada beliau, iaitu ucapan selamat sejahtera yang dirakamkan dalam kitab suci-Nya yang kekal abadi dan dicatatkan di dalam hati alam buana yang besar.

كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٠﴾

*“Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin.”(110)*

Yakni demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada mereka dengan nama yang harum, ucapan selamat sejahtera dan memberikan mereka kemuliaan atas keta'atan mereka menjunjung ujian itu.

إِنَّهُ وَمِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١١﴾

*“Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min.”(111)*

Yakni inilah balasan iman dan inilah hakikat iman yang didedahkan oleh ujian Allah yang amat besar itu.

Kemudian Allah memperlihatkan limpah rahmat dan ni'mat-Nya sekali lagi kepada beliau, iaitu Allah mengurniakan Ishaq semasa beliau dalam usia yang sangat tua. Allah memberkati beliau dan memberkati anaknya Ishaq dan melantikannya sebagai salah seorang nabi dari para salihin.

وَبَشَّرْنَاهُ بِإِسْحَاقَ نَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٢﴾  
وَبَرَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰ إِسْحَاقَ

"Dan Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat Ishaq yang akan menjadi seorang nabi dari para Salihin (112). Dan Kami telah limpahkan keberkatan ke atasnya dan ke atas Ishaq." (113)

Dari mereka berdua lahirlah zuriat mereka yang sambung menyambung tidak putus-putus, tetapi warisan zuriat ini bukanlah warisan darah dan keturunan, malah ialah warisan agama dan sistem hidup. Siapa yang mematuhi agama dan cara hidup ini, maka ia dikira seorang yang membuat kebaikan dan siapa yang menyeleweng darinya, ia dikira seorang yang zalim yang tidak berguna kepadanya hubungan keturunan sama ada dekat atau jauh.

وَمِن ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ مُبِينٌ ﴿١١٣﴾

"Di antara zuriat keduanya ada yang melakukan kebaikan (beriman) dan ada pula yang menzalimi diri sendiri (kafir) dengan terang-terangan." (113)

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 114 - 122)

Dari keturunan mereka lahirlah pula Musa dan Harun.

وَلَقَدْ مَنَّا عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١١٤﴾  
وَنَجَّيْنَاهُمَا وَقَوْمَهُمَا مِنَ الْكُرْبِ الْعَظِيمِ ﴿١١٥﴾  
وَنَصَّرْنَاهُمْ فَاكُونُوا لَهُمُ الْغَالِبِينَ ﴿١١٦﴾  
وَأَتَيْنَاهُمَا الْكِتَابَ الْمُسْتَبِينَ ﴿١١٧﴾  
وَهَدَيْنَاهُمَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١١٨﴾  
وَتَرَكْنَا عَلَيْهِمَا فِي الْأَخْرَبِ ﴿١١٩﴾  
سَلَّمَ عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١٢٠﴾  
إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢١﴾  
إِنَّهُمَا مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah melimpahkan ni'mat Kami ke atas Musa dan Harun (114). Dan Kami telah menyelamatkan kedua-duanya serta kaum mereka dari malapetaka yang besar (115). Dan Kami telah menolong kedua-duanya lalu mereka menjadi orang-orang yang menang (116). Dan Kami telah mengurniakan kepada

keduanya kitab suci yang jelas (117). Dan Kami telah memberi hidayat kepada keduanya ke jalan yang lurus (118). Dan Kami tinggalkan kepada keduanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (119). Selamat sejahtera ke atas Musa dan Harun (120). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (121). Sesungguhnya kedua-duanya adalah dari hamba-hamba Kami yang Mu'min." (122)

#### Pengurniaan Taurat Kepada Musa a.s. Dan Harun a.s.

Kisah Musa dan Harun sepintas lalu ini adalah bertujuan untuk menzhahirkan limpah kurnia Allah terhadap mereka berdua, iaitu ni'mat pilihan dan perlantikan mereka menjadi rasul, juga ni'mat keselamatan mereka dan kaum mereka dari "malapetaka yang besar" (الْكُرْبِ الْعَظِيمِ) yang diperincikan di dalam surah-surah yang lain, juga ni'mat mendapat kemenangan ke atas Fir'aun dan kuncu-kuncunya yang telah menindas mereka, juga ni'mat pengurniaan kitab suci yang amat jelas dan terang, juga ni'mat mendapat hidayat ke jalan yang lurus, iaitu jalan Allah yang ditunjukkan kepada para Mu'minin, juga ni'mat dikekalkan nama mereka yang harum dalam kenangan generasi-generasi yang mendatang dan abad-abad yang kebelakangan. Kisah sepintas lalu itu berakhir dengan ucapan selamat sejahtera daripada Allah kepada Musa dan Harun. Di dalam surah ini terdapat ulasan-ulasan yang berulang-ulang untuk menjelaskan jenis balasan yang diterima para Muhsinin, juga menjelaskan nilai keimanan yang membuat para Mu'minin dimuliakan Allah.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 123 - 132)

##### Siapakah Nabi Ilias a.s.

Cerita sepintas lalu itu diiringi pula dengan cerita sepintas yang sama mengenai Ilias. Menurut pendapat yang lebih rajih, Ilias ialah nabi yang terkenal di dalam Taurat dengan nama Ilyia' (إيلياء). Beliau telah diutuskan kepada kaumnya di Syria. Mereka menyembah berhala yang bernama Ba'al (بعلا). Sehingga hari ini kesan-kesan bandar Ba'labakka (بعلبك) masih menunjukkan adanya kesan-kesan dari penyembahan berhala itu.

وَإِنَّ إِلْيَاسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾  
إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَالْتَقُونَ ﴿١٢٤﴾  
أَتَدْعُونَ بَعْلًا وَتَذَرُونَ أَحْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿١٢٥﴾  
اللَّهُ رَبُّكُمْ وَرَبَّ آبَائِكُمُ الْأُولَىٰ ﴿١٢٦﴾  
فَكَذَّبُوهُ فَأَنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٢٧﴾  
إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿١٢٨﴾  
وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْأَخْرَبِ ﴿١٢٩﴾

سَلَّمَ عَلَىٰ آلِ يَاسِينَ ﴿١٣٠﴾  
 إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾  
 إِنَّهُ وَمَنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan sesungguhnya Ilias itu adalah dari para rasul (123). (Kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah (124). Apakah patut kamu menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah sebaik-baik Pencipta? (125) Allah itulah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala (126). Lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka akan diseretkan (ke dalam Neraka) (127). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (128). Dan Kami tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (129). Selamat sejahtera ke atas Ilias (130). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (131). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min." (132)

Ilias menyeru kaumnya kepada tauhid dan mengesahkan perbuatan mereka yang menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah "Sebaik-baik Pencipta" (أحسن الخالقين) iaitu Tuhan mereka dan Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala sebagaimana telah dilakukan oleh Ibrahim yang mengesahkan bapanya dan kaumnya yang menyembah berhala, juga sebagaimana telah dilakukan oleh setiap rasul yang mengesahkan kaumnya yang menyembah patung-patung.

Akibat seruan itu Ilias telah didustakan kaumnya, lalu Allah S.W.T. bersumpah dan menegaskan bahawa mereka akan dibawa ke hadapan pengadilan-Nya secara paksa untuk menerima balasan para pendusta, kecuali mereka yang beriman yang telah dipilih Allah dari kalangan mereka.

Cerita sepintas lalu Ilias ini juga diakhiri dengan kata penutup yang berulang-ulang di dalam surah untuk memuliakan para rasul dengan ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada mereka, juga untuk menerangkan balasan para Muhsinin dan nilai keimanan para Mu'minin.

Surah Ilias disebut bagi kali yang pertama di sini secara sepintas lalu. Di sini marilah kita berhenti sebentar memerhatikan gaya pengungkapan Al-Qur'an yang seni pada ayat "سلام على إياسين" di mana nada kata akhir nama Ilias disebut dengan bunyi Ilyasin (إلياسين) untuk mengimbangkan dengan bunyi kata-kata akhir yang lain mengikut cara Al-Qur'an.<sup>2</sup>

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 133 - 138)

Kemudian tiba pula kisah sepintas lalu Lut yang pernah disebut di tempat-tempat, yang lain mengiringi kisah Ibrahim.

وَإِنَّ لُوطًا لِّمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٣﴾  
 إِذْ نَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ وَأَجْمَعِينَ ﴿١٣٤﴾  
 إِذْ يَعْجُوزَ فِي الْغَابِرِينَ ﴿١٣٥﴾  
 ثُمَّ دَمَرْنَا الْأَخْرِينَ ﴿١٣٦﴾  
 وَإِنَّكُمْ لَتَمُرُّونَ عَلَيْهِمْ مُّصْبِحِينَ ﴿١٣٧﴾  
 وَبِاللَّيْلِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan sesungguhnya Lut adalah dari para rasul (133). (Kenangilah) ketika Kami menyelamatkannya dan sekalian keluarganya (134). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk dalam golongan yang tinggal (dalam 'azab kebinasaan) (135). Kemudian Kami telah binasakan orang-orang yang lain (136). Dan sesungguhnya kamu (orang-orang Quraysy) memang melalui kesan-kesan peninggalan mereka di waktu pagi (137). Dan di waktu malam, mengapakah kamu tidak mahu berfikir? (138)

Kisah ini sama dengan kisah sepintas lalu Nuh. Ia menyebut kerasulan Lut dan kisah beliau dan keluarganya - kecuali isterinya - yang telah terselamat dari 'azab Allah yang menghancurkan leburkan para pendusta yang sesat. Kisah ini diakhiri dengan mencubit hati orang-orang Arab yang berulang alik pagi dan petang di negeri Lut, sedangkan hati mereka masih tidak mahu menyedari dan mendengar kisah negeri yang telah hancur lebur dan sunyi sepi itu, juga tidak merasa bimbang ditimpa akibat yang mendukacitakan seperti itu.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 139 - 148)

##### Kerana Merajuk Nabi Yunus a.s. Ditelan Ikan Besar

Kemudian kisah-kisah sepintas lalu ini ditamatkan dengan sebuah cerita sepintas lalu juga mengenai Yunus yang telah ditelan ikan yang besar itu.

وَإِنَّ يُونُسَ لِمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾  
 إِذْ أَتَىٰ إِلَىٰ الْفُلِّكَ الْمَشْحُونِ ﴿١٤٠﴾  
 فَسَاهَرَ فكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ ﴿١٤١﴾  
 فَالْتَقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾  
 فَلَوْلَا أَنَّهُ وَكَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾

<sup>2</sup> Lihat bab التصوير الفني في كتاب التناسق الفني في كتاب اللإيقاع الموسيقي القرآن.

لَلَيْثِ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾  
 فَنَبَذْنَاهُ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾  
 وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾  
 وَأَرْسَلْنَاهُ إِلَى مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾  
 فَآمَنُوا فَمَتَّعْنَاهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Dan sesungguhnya Yunus adalah dari para rasul (139). (Kenangilah) ketika dia melarikan diri menaiki bahtera yang penuh sarat (140). Dia turut mengundi dan telah menjadi dari orang-orang yang kalah (141). Lalu dia ditelan seekor ikan yang besar, dia telah melakukan perbuatan yang wajar dicela (142). Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali (144). Lalu Kami campakkannya keluar di tebing pantai yang tandus, sedangkan dia sakit (145). Dan Kami tumbuhan pokok labu yang menaunginya (146). Dan Kami telah utuskannya kepada (kaumnya) yang seramai seratus ribu jiwa atau lebih (147). Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka kenikmatan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu." (148)

Al-Qur'an tidak menyebut di mana kaum Yunus, tetapi difaham dari ayat ini mereka tinggal di suatu tempat yang berhampiran dengan laut.

Menurut riwayat-riwayat, Yunus tidak dapat bersabar lagi apabila beliau didustakan kaumnya. Lalu beliau memberi amaran kepada mereka dengan 'azab Allah yang dekat. Beliau dengan hati yang panas meninggalkan mereka untuk melarikan diri. Kemarahan hatinya telah membawa beliau ke tepi laut dan di sana beliau menaiki sebuah bahtera yang penuh sarat dengan penumpang-penumpang. Di tengah-tengah lautan, bahtera itu dilanda ribut dan dipukul gelombang-gelombang yang kuat dan ini merupakan satu petanda mengikut kepercayaan kaum itu bahawa di antara penumpang-penumpang yang ramai itu pasti ada seorang penumpang yang dimurkai Tuhan kerana melakukan sesuatu kesalahan dan orang ini pasti dicampakkan ke dalam laut untuk menyelamatkan bahtera dari tenggelam. Lalu mereka membuang undi untuk menentukan orang yang patut dibuang dari kapal itu. Tiba-tiba undi itu terkena kepada Yunus. Walaupun beliau terkenal sebagai seorang yang soleh di kalangan mereka, tetapi undi itu begitu jelas dan tegas mengenakan beliau. Lalu mereka pun mencampakkan beliau ke dalam laut atau beliau sendiri membuang dirinya ke dalam laut. Lalu beliau ditelan seekor ikan yang besar dan beliau:

الْحَوْتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾

"Dia telah melakukan satu, perbuatan yang wajar dicela" (142)

kerana meninggalkan tugas risalah yang diamanahkan Allah kepadanya dan kerana beliau meninggalkan

kaumnya dengan sebab marahkan mereka sebelum mendapat keizinan dari Allah. Apabila beliau merasa lemas di dalam perut ikan itu, beliau pun bertasbih dan memohon keampunan dari Allah dan mengaku bahawa beliau termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri. Beliau berdo'a:

لا إله إلا أنت سبحانك إني كنت من الظالمين

"Tiada Tuhan yang lain melainkan engkau. Maha Sucilah engkau. Sesungguhnya aku mengaku bahawa aku termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri."

Lalu Allah memperkenankan do'anya dan ikan itu pun, meluahkan beliau keluar dari perutnya:

فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾  
 لَلَيْثِ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾

"Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali." (144)

Beliau keluar dari perut ikan itu dalam keadaan sakit dan bogel dan tercampak ke atas tebing pantai:

وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾

"Dan Kami tumbuhan pokok labu yang menaunginya." (146)

Yakni menaunginya dengan daun-daunnya yang lebar dan menahankan lalat-lalat dari menghinggapinya. Kata orang, lalat tidak mendekati pokok labu. Ini adalah dari tadbir dan rahmat Allah yang halus. Apabila beliau sembuh dari kesakitannya, Allah kembalikan beliau semula kepada kaumnya yang telah ditinggalkannya kerana marahkan sikap mereka. Kebetulan kaumnya telah pun merasa takut terhadap amaran beliau semasa beliau keluar meninggalkan mereka, lalu mereka pun beriman dan memohon keampunan dari Allah, dan permohonan mereka telah dikabulkan Allah dan mereka pun selamat dari 'azab yang ditimpakan ke atas para pendusta:

فَآمَنُوا فَمَتَّعْنَاهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka kenikmatan hidup hingga ke sesuatu masa yang tertentu." (148)

Bilangan mereka ialah seratus ribu orang tidak lebih dan tidak kurang dan seluruh mereka telah beriman.<sup>3</sup>

Kisah Yunus sepintas lalu ini memperlihatkan akibat kaum yang beriman, sementara kisah-kisah yang terdahulu memperlihatkan akibat kaum yang tidak beriman. Di sini dapatlah kaum Muhammad memilih salah satu akibat yang disukai mereka.

<sup>3</sup> Lihat kisah ini dalam Surah al-Anbia'.

Demikianlah berakhirnya pusingan ini setelah membawa kita mengembara jauh dalam perjalanan sejarah mulai dari Nabi Nuh a.s. untuk mengikuti manusia-manusia yang diberi amaran oleh para rasul itu sama ada dari golongan yang beriman atau dari golongan yang tidak beriman.

(Kumpulan ayat-ayat 149 - 182)

فَأَسْتَفْتِيَهُمَ أَلرَّبُّكَ أَلْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾  
 أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾  
 أَلَا إِنَّهُمْ مِّنْ أَفْكِهِمْ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾  
 وَلَدَ اللّٰهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٥٢﴾  
 أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾  
 مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾  
 أَمْ لَكُمْ سُلْطٰنٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾  
 فَاتُوا بِكُتُبِكُمْ إِن كُنتُمْ صٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾  
 وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَنَّةِ نَسْبًا وَلَقَدْ عَلِمَتِ الْجِنَّةُ  
 إِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾  
 سُبْحٰنَ اللّٰهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١٥٩﴾  
 ۞ اَلْعِبَادَ اللّٰهُ الْمُخْلِصِينَ ﴿١٦٠﴾  
 "Dan tanyalah mereka: Apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka? (149). Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksikannya? (150). Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151). Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki? (153). Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu? (154). Apakah tidak kamu berfikir? (155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156). Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar (157). Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan pada hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah) (158). Maha Suci Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (159). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih sahaja (yang selamat)" (160).  
 فَاتَّكِمُوا وَمَا تَعْبُدُونَ ﴿١٦١﴾ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ بِفٰتِنِينَ ﴿١٦٢﴾  
 ۞ اَلْأَمِّنَ هُوَ صَالِ الْجَحِيمِ ﴿١٦٣﴾

وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ وَمَقَامٌ مَّعْلُومٌ ﴿١٦٤﴾  
 وَإِنَّا لَنَحْنُ الصّٰفُّونَ ﴿١٦٥﴾ وَإِنَّا لَنَحْنُ الْمُسَبِّحُونَ ﴿١٦٦﴾  
 وَإِن كَانُوا لَيَقُولُونَ ﴿١٦٧﴾ لَوْ أَنَّ عِنْدَنَا ذِكْرًا مِّنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦٨﴾  
 لَكُنَّا عِبَادَ اللّٰهِ الْمُخْلِصِينَ ﴿١٦٩﴾  
 فَكْفَرُوا بِآبِهِ ۖ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٠﴾  
 وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾  
 إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾  
 وَإِن جُنَدُنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾  
 فَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٤﴾  
 وَأَبْصَرَهُمْ فَسَوْفَ يُبْصَرُونَ ﴿١٧٥﴾  
 أَفَبِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿١٧٦﴾  
 فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٧﴾  
 وَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٨﴾  
 وَأَبْصَرَ فَسَوْفَ يُبْصَرُونَ ﴿١٧٩﴾  
 سُبْحٰنَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾  
 وَسَلَّمَ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾  
 وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Sesungguhnya kamu dan segala apa yang disembahkan kamu... (161). Tidaklah sekali-kali kamu dapat menyesatkan seorang pun dari (hamba Allah) (162). Kecuali orang yang akan masuk ke dalam Neraka (163). Dan tiada seorang pun dari kami (malaikat) melainkan masing-masing mempunyai kedudukan yang tertentu (164). Dan sesungguhnya kami berdiri berbaris-barisan (menunaikan solat) (165). Dan sesungguhnya kami sentiasa bertasbih kepada Allah (166). Dan sesungguhnya mereka dahulu pernah berkata: (167) Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang terdahulu (168). Tentulah kami telah menjadi hamba-hamba Allah yang terpilih (169). (Tetapi) mereka telah mengingkarkan Al-Qur'an dan mereka akan mengetahui (akibatnya) (170). Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamillah yang akan mendapat kemenangan (173). Oleh itu berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (174). Dan lihatlah mereka, nanti mereka juga akan dapat melihat



(akibatnya) (175). Apakah mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami? (176). Dan apabila 'azab Kami turun di halaman mereka, nescaya celakalah pagi hari mereka yang telah diberi peringatan itu (177). Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (178). Dan lihatlah, nanti mereka juga akan dapat melihat (179). Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari segala apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam" (182).

Berdasarkan sorotan kisah-kisah yang telah dibentangkan di dalam pusingan yang kedua surah ini, iaitu sorotan yang telah menerangkan hakikat hubungan di antara Allah dan para hamba-Nya, juga menerangkan bagaimana Allah telah mengazabkan orang-orang yang mendustakan hakikat itu, iaitu orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah atau orang-orang mempersekutui-Nya dengan setengah-setengah makhluk-Nya .... berdasarkan sorotan hakikat itu, yang telah pun disentuh di dalam pelajaran pertama surah ini, maka dalam pusingan terakhir surah ini Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya berdebat dengan kaum Musyrikin tentang sebuah dongeng yang didakwa oleh mereka bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah dan tentang sebuah lagi dongeng yang didakwa mereka bahawa di antara Allah dan jin terjalin hubungan keturunan, juga supaya bersemuka dengan mereka tentang kata-kata mereka sebelum kedatangan agama Islam, iaitu kata-kata yang membayangkan hasrat mereka supaya Allah mengiriskan seorang rasul kepada mereka, juga kata-kata yang membayangkan kesediaan mereka untuk menyambut hidayat Allah andainya ada rasul yang datang kepada mereka dan bagaimana mereka telah menjadi kafir apabila rasul itu telah diutuskan kepada mereka. Kemudian surah ini ditamatkan dengan merakamkan janji Allah yang akan menolong para rasul-Nya mengalahkan musuh-musuh mereka, juga dengan membersihkan Allah S.W.T. dari sifat-sifat karut yang dikatakan mereka dan dengan memulangkan seluruh kepujian kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam.

\* \* \* \* \*

(Pentafsiran ayat-ayat 149 - 166)

فَأَسْتَفْتِيَهُمُ الرِّبَّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾  
 أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾  
 أَلَا إِنَّهُمْ مِّنْ أَفْكَهَمَ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾  
 وَلَدَ اللَّهِ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٥٢﴾  
 أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾  
 مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾

أَمْ لَكُمْ سُلْطٰنٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾  
 فَأَتُوا بِكُتُبِكُمْ إِن كُنْتُمْ صٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾

"Dan tanyalah mereka: Apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka? (149) Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksi-kannya? (150) Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151) Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki? (153) Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu? (154). Apakah tidak kamu berfikir? (155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar." (157)

#### Dongeng Malaikat Puteri Allah

Al-Qur'an mengepung kepercayaan dongeng mereka yang karut itu dari segenap sudut. Ia berhujah dengan mereka dengan menggunakan logik mereka dan logik masyarakat hidup mereka. Mereka lebih mengutamakan anak-anak lelaki dari anak-anak perempuan. Mereka menganggap kelahiran anak-anak perempuan itu sebagai suatu kehinaan. Mereka mengira perempuan sebagai makhluk yang lebih rendah martabatnya dari lelaki, namun demikian mereka tergamak mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu perempuan belaka dan mereka adalah puteri-puteri Allah pula.

Di sini Al-Qur'an menurut liut mereka dan menggunakan logik mereka sendiri kemudian mengenakan mereka dengan logik itu supaya mereka melihat betapa karutnya dongeng itu walaupun dengan menggunakan ukuran mereka sendiri yang lumrah dalam masyarakat mereka:

فَأَسْتَفْتِيَهُمُ الرِّبَّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾

"Dan tanyalah mereka apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka?" (149)

Yakni adakah patut jika anak-anak perempuan yang dianggapkan mereka lebih rendah martabatnya dari anak-anak lelaki itu telah dijadikan mereka sebagai anak-anak Allah, sedangkan mereka sendiri mengutamakan anak-anak lelaki? Atau apakah patut Allah memilih anak-anak perempuan dan meninggalkan untuk mereka anak-anak lelaki? Kedua-dua itu tidak betul belaka. Oleh itu tanyalah mereka tentang dakwaan mereka yang karut-marut itu.

Dan tanyakan mereka pula tentang punca timbulnya dongeng itu. Dari mana mereka tahu bahawa malaikat-malaikat itu perempuan? Adakah mereka hadir dan melihat sendiri ketika malaikat-malaikat itu diciptakan Allah hingga mereka tahu jenis mereka?

أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksikannya." (150)

Al-Qur'an menyebut nas kata-kata mereka yang dusta terhadap Allah:

أَلَا إِنَّهُمْ مِّنْ أَفْكَهٍ لِّيقُولُونَ ﴿١٥١﴾  
 وَلَدَّ اللَّهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٥٢﴾

"Ingatlah sesungguhnya kerana pembbohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151) Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembongong belaka." (152)

Yakni mereka adalah pembongong walaupun mengikut pandangan adat dan logik yang lumrah dalam masyarakat mereka sendiri yang memang mengutamakan anak-anak lelaki dari anak-anak perempuan, jadi bagaimana pula Allah mengutamakan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?

أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾

"Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?" (153)

Kemudian Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap dakwaan mereka yang melupakan logik yang lumrah di dalam masyarakat mereka sendiri:

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾

"Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu? (154) Apakah tidak kamu berfikir?" (155)

Dari manakah kamu mengambil sandaran dan dalil di atas keputusan yang didakwakan kamu itu?

أَمْ لَكُمْ سُلْطٰنٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾  
 فَأَتُوا بِكُتُبِكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾

"Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar." (157)

Satu lagi dongeng ialah dongeng adanya hubungan keturunan di antara Allah S.W.T. dengan jin.

وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَنَّةِ نَسْبًا وَلَقَدْ عَلِمَتِ الْجِنَّةُ إِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan para hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah)." (158)

Mereka telah mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah yang dilahirkan oleh

isteri-Nya jin perempuan. Itulah hubungan keturunan dan kerabat, sedangkan jin-jin tahu bahawa mereka hanya merupakan salah satu makhluk Allah sahaja dan mereka juga akan dibawa dengan perintah Allah hadir pada hari Qiamat untuk menerima balasan 'azab. Tentulah layanan yang seperti ini tidak layak diberikan kepada mereka yang mempunyai hubungan keturunan dan persemendaan dengan Allah.

Di sini Allah mentanzihkan dirinya dari pemboghongan yang karut itu:

سُبْحٰنَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

"Maha Suci Allah dari segala pemboghongan yang disifatkan mereka." (159)

Kemudian golongan jin yang beriman dikecualikan dari golongan jin yang menerima balasan 'azab dari Allah. Memang dalam alam jin terdapat golongan yang Mu'min.

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿١٦٠﴾

"Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih sahaja (yang selamat)." (160)

Kemudian kata-kata berikut ditujukan kepada kaum Musyrikin dan tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka, juga kepada 'aqidah-'aqidah mereka yang sesat. Kata-kata berikut nampaknya terbit dari para malaikat kepada mereka sebagaimana yang dapat difaham dari keterangan ayat ini:

فَأِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ ﴿١٦١﴾ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ بِفَاتِنِينَ ﴿١٦٢﴾  
 إِلَّا مَنْ هُوَ صَالِ الْجَحِيمِ ﴿١٦٣﴾  
 وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ وَمَقَامٌ مَّعْلُومٌ ﴿١٦٤﴾  
 وَإِنَّا لَنَحْنُ الصَّٰفُونَ ﴿١٦٥﴾ وَإِنَّا لَنَحْنُ الْمُسَبِّحُونَ ﴿١٦٦﴾

"Sesungguhnya kamu dan segala apa yang disembahkan kamu... (161) Tidaklah sekali-kali kamu dapat menyesatkan seorang pun dari (hamba Allah) (162). Kecuali orang yang akan masuk ke dalam Neraka (163). Dan tiada seorang pun dari kami (malaikat) melainkan masing-masing mempunyai kedudukan yang tertentu (164). Dan sesungguhnya Kami berdiri berbaris-barisan (menunaikan solat) (165). Dan sesungguhnya kami sentiasa bertasbih kepada Allah." (166)

Yakni kamu dan sembahhan-sembahhan kamu tidak dapat menyesatkan hamba-hamba Allah melainkan mereka yang termasuk di dalam golongan Ahli Neraka, iaitu orang-orang yang telah ditetapkan masuk Neraka. Kamu tidak mampu menyesatkan hati seseorang yang Mu'min yang tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang ta'at. Neraka mempunyai bahan-bahan bakar manusia dari jenis yang tertentu, iaitu manusia yang mempunyai tabi'at yang melayangkannya untuk menerima kesesatan dan terpengaruh kepada para penyesat.

Para malaikat menjawab dongeng itu dengan menegaskan bahawa setiap orang dari mereka mempunyai batas kedudukan masing-masing yang tidak boleh dilampauinya. Mereka adalah hamba-hamba yang dijadikan Allah. Tugas mereka ialah mematuhi segala perintah Allah. Mereka berdiri bersaf-saf mendirikan solat dan bertasbih memuji Allah. Mereka berada pada batas kedudukan masing-masing tanpa melewatinya. Allah tetap Allah.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 167 - 173)

Kemudian Al-Qur'an kembali memperkatakan tentang kaum Musyrikin yang menggembar-gemburkan dongeng-dongeng itu. Ia menyebut janji-janji mereka pada masa mereka dengkingan kaum Ahlil-Kitab yang telah menjadi Ahlil-Kitab. Mereka berkata: "Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang dahulu, iaitu dari Nabi Ibrahim atau nabi-nabi yang dibangkitkan selepasnya tentulah kami juga berada pada martabat keimanan yang melayakkan kami dibersihkan dan dipilhkan Allah."

وَإِنْ كَانُوا لَيَقُولُونَ ﴿١٦٧﴾ لَوَ أَنَّ عِنْدَنَا ذِكْرًا مِنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦٨﴾  
لَكُنَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿١٦٩﴾

"Dan sesungguhnya mereka dahulu pernah berkata: (167) Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang terdahulu (168). Tentulah kami telah menjadi hamba-hamba Allah yang terpilih." (169)

Tetapi apabila mereka dikurniakan kitab suci yang lebih besar dari segala kitab suci yang pernah diturunkan ke bumi, mereka tidak lagi teringat kepada janji-janji yang dikatakan mereka:

فَكَفَرُوا بِهِ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٠﴾

"(Tetapi) mereka telah mengingkarkan Al-Qur'an dan mereka akan mengetahui (akibatnya)." (170)

Ancaman yang halus yang terkandung di dalam ungkapan "Dan mereka akan mengetahui (akibatnya)" adalah satu ancaman yang sesuai dengan perbuatan kufur mereka selepas mereka berangan-angan dan berjanji. Sehubungan dengan ancaman itu, Allah menjelaskan bahawa Dia berjanji akan menolong dan memberi kemenangan kepada para rasul-Nya:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَمَتْنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾

إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾

وَإِنَّا جُنْدَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan." (173)

Janji itu telah berlaku dan kata-kata Allah telah pun dikota. 'aqidah Islamiah telah bertunjang kukuh di bumi dan membangun sebagai sebuah binaan keimanan yang kuat walaupun dihalang dengan berbagai-bagai halangan, walaupun didustakan oleh para pendusta dan walaupun para penda'wah dan para pengikutnya ditindas dengan berbagai-bagai penindasan. 'Aqidah-'aqidah kaum Musyrikin dan kafirin terhapus. Kekuasaan dan kedaulatan mereka juga turut terhapus dan yang tinggal kekal ialah 'aqidah-'aqidah yang dibawa para rasul. 'aqidah-'aqidah inilah yang menguasai hati dan akal manusia dan membetulkan fikiran-fikiran dan kefahaman-kefahaman mereka. Seterusnya walau bagaimanapun 'aqidah-'aqidah ini masih tetap merupakan 'aqidah yang paling kuat dan paling kekal menguasai umat manusia di merata pelosok dunia. Segala percubaan yang telah dilancarkan untuk menghapuskan 'aqidah-'aqidah ilahiah yang dibawa oleh para rasul, juga segala usaha untuk membangunkan ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah yang lain telah berakhir dengan kegagalan. Usaha-usaha itu telah gagal di bumi tempat kelahiran ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah itu sendiri. Tepatlah janji Allah bahawa Dia akan menolong para rasul-Nya, kerana mereka semuanya telah dikurniakan pertolongan, dan tentera Allah yang dikurniakan kepada mereka itulah yang mencapai kemenangan.

Gejala ini secara umumnya dapat diperhatikan di merata pelosok dunia di seluruh zaman.

Janji Allah ini juga direalisasikan dalam segala gerakan da'wah kerana Allah, di mana para pejuang dan para penda'wahnya benar-benar ikhlas kepada Allah. Da'wah itu akan tetap menang dan mendapat pertolongan dari Allah walaupun ia dihalangi dengan berbagai-bagai halangan dan walaupun pejuang kebatilan mengemblengkan segala kekuatan besi dan api, segala kekuatan di'ayah dan pembohongan dan segala kekuatan perang dan penentangan. Semuanya merupakan pertarungan-pertarungan yang melahirkan berbagai-bagai natijah tetapi semuanya berakhir kepada janji Allah yang telah dimeteraikannya dengan para rasul-Nya, dan janji itu tidak akan mungkir walaupun dihalangi oleh seluruh kekuatan di bumi. Janji mendapat pertolongan, kemenangan dan kedudukan yang kukuh akan tetap dikotakan Allah.

Janji ini merupakan salah satu dari undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana, dan undang-undang ini berjalan terus sebagaimana berjalannya planet-planet dan bintang-bintang di jalan-jalan peredarannya yang teratur, sebagaimana bersilih gantinya malam dan siang di bumi di sepanjang zaman dan sebagaimana tercetusnya hayat di bumi yang mati yang disirami air. Tetapi semuanya bergantung kepada perencanaan Allah. Dia melaksanakannya apabila Dia kehendaki. Kadang-kadang kesan-kesan yang zahir dari janji itu kelihatan lambat dibandingkan dengan usaha-usaha manusia yang terbatas, namun janji itu tetap tidak akan

dimungkirkan selama-lamanya. Kadang-kadang janji itu terkota dalam bentuk yang tidak dapat difahami manusia kerana mereka menuntut kemenangan dalam bentuk-bentuk biasa dan lumrah. Mereka tidak dapat memahami pelaksanaan janji itu dalam satu bentuk yang baru melainkan setelah berlalunya sekian masa.

Kadang-kadang manusia inginkan satu bentuk pertolongan dan kemenangan yang tertentu untuk tentera-tentera Allah dan para pengikut rasul-rasul-Nya, sedangkan Allah menghendaki untuk mereka satu bentuk kemenangan yang lebih sempurna dan lebih kekal, maka natijahnya kehendak Allahlah yang terlaksana walaupun pejuang-pejuang da'wah itu terpaksa mengalami kesusahan dalam masa yang lebih panjang dari jangkaan mereka. Kaum Muslimin (yang berada di Madinah) sebelum berlakunya Peperangan Badar telah bercita-cita untuk merampaskan unta-unta dari angkatan kafilah perniagaan Quraysy, tetapi Allah menghendaki angkatan kafilah yang telah mendapat keuntungan yang banyak itu terlepas dari mereka dan Allah menghendaki mereka berperang dengan angkatan perang Quraysy yang kuat. Akhirnya ternyata bahawa apa yang dikehendaki Allah itu adalah lebih baik untuk mereka dan untuk perkembangan Islam. Beginilah caranya kemenangan yang dikehendaki Allah kepada Rasul-Nya, kepada para pejuang-Nya dan kepada da'wah-Nya di sepanjang zaman.

Kadang-kadang angkatan tentera Allah tewas di dalam satu medan pertempuran, di mana mereka mengalami kekalahan teruk dan menderita dalam ujian itu, kerana Allah menjanjikan mereka dengan kemenangan dalam satu medan pertempuran yang lebih besar dan menyediakan suasana-suasana di sekeliling mereka supaya kemenangan itu dapat mendatangkan hasilnya dalam bidang yang lebih luas dan dalam garis yang lebih panjang dan dengan kesan yang lebih tahan dan kekal.

Keputusan Allah telah ditetapkan iradat Allah terhadap janji-Nya telah dikotakan. Undang-undang Allah tetap tidak berubah dan tidak akan mungkir:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾

إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾

وَإِنَّا جُنْدَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan." (173)

\* \* \* \* \*

(Pentafsiran ayat-ayat 174 - 179)

Ketika mengisytiharkan janji yang tegas dan keputusan yang telah ditetapkan itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya berpaling dari kaum Musyrikin dan menyerahkan mereka kepada janji Allah dan supaya memerhatikan keadaan mereka yang telah menerima keputusan 'azab dari Allah itu. Biarlah mereka sendiri melihat akibatnya dengan mata kepala mereka:

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٤﴾

وَأَبْصِرْ لَهُمْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٥﴾

أَفَبِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿١٧٦﴾

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٧﴾

وَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٨﴾

وَأَبْصِرْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٩﴾

"Oleh itu berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (174). Dan lihatlah mereka, nanti mereka juga akan melihat (akibatnya) (175). Apakah mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami? (176) Dan apabila 'azab Kami turun di halaman mereka, nescaya celakalah pagi hari mereka yang telah diberi peringatan itu (177). Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (178). Dan lihatlah, nanti mereka juga akan melihat." (179)

Tinggalkan mereka dan jangan hiraukan mereka. Biarkanlah mereka hingga tibanya hari turunnya 'azab Allah. Di sana mereka akan melihat sendiri bagaimana Allah merealisasikan janji-Nya terhadap engkau dan terhadap mereka. Andainya mereka meminta supaya disegerakan 'azab itu, maka kecelakaan tetap akan menimpa mereka pada hari Allah menurunkan 'azab itu ke atas mereka. Apabila 'azab itu turun di pekarangan mereka, maka pagi itu akan membawa malapetaka yang dahsyat kepada mereka. Amaran ini telah pun disampaikan rasul kepada mereka.

Allah mengulang-ngulangkan perintah-Nya supaya beliau berpaling dan tidak menghiraukan mereka:

وَتَوَلَّ عَنْهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿١٧٨﴾

"Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika." (178)

Demikian juga Allah mengulangkan amaran terhadap kedahsyatan malapetaka 'azab yang akan berlaku kepada mereka:

وَأَبْصِرْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٩﴾

"Dan lihatlah, nanti mereka juga akan melihat." (179)

Allah tidak menjelaskan malapetaka 'azab itu untuk menyanankan betapa dahsyatnya dan ngerinya malapetaka itu.

\* \* \* \* \*

**(Pentafsiran ayat-ayat 180 - 182)**

Kemudian surah ini diakhiri dengan membersihkan Allah dari segala sifat yang karut dan mengkhususkan sifat keagungan dan kemuliaan itu kepada-Nya sahaja, juga dengan ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada para rasul-Nya, juga mengumumkan bahawa segala sanjungan itu terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, Tuhan semesta alam yang tiada sekutu bagi-Nya:

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾  
 وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾  
 وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari segala apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam."(182)

Itulah kata penamat yang amat sesuai dengan pembicaraan-pembicaraan surah ini dan itulah kata penamat yang menyarankan segala persoalan yang dibicarakan surah ini.

\* \* \* \* \*